



UPM - Dutch Lady to Study on Milk Nutrition
] 25

April 2009 Bil. 60

www.tribunputra.upm.edu.my

PP10540/2/2009(020784)

MENARIK DI DALAM



UPM Anjur 14th ICOT
] 3



UPM Invented Express Wound Healer
] 6



Dr. Yahya Kongsi Pengalaman Di Gaza
] 17



UPMKB Sumbang Sosio Ekonomi Sarawak
] 22

WARNA KAMPUS



Nurul - Pelajar Tahun 1 Jawat Exco MPP
] 11

UPM Bolot Anugerah MTE

Menang 3 daripada 4 Anugerah Utama

Oleh Hamizan Wasoh @ Mohamad Isa

KUALA LUMPUR - Universiti Putra Malaysia (UPM) membolot tiga daripada empat anugerah utama Ekspo Teknologi Malaysia (MTE) 2009 yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) baru-baru ini.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata, anugerah tersebut adalah *Best of The Best Award*, *The Very Best Award* dan *Women Innovator of The Year*.

UPM turut memenangi enam pingat emas, sembilan perak dan 1 gangsa melalui 31 penyertaan berasaskan pertanian, sains kesihatan, bioteknologi, kejuruteraan komputer, seni bina dan pendidikan pada ekspo tiga hari bermula 19 hingga 21 Februari lalu.

"Anugerah *Best of The Best Award* diterima oleh Prof. Madya Dr. Sabira Khatun dari Fakulti Kejuruteraan melalui penyelidikan bertajuk *Secure Route Optimization in Mobile IPv6 Networks With Enhanced Micro-Mobility Solution* iaitu alatan yang digunakan sebagai infrastruktur rangkaian tanpa wayar yang lebih selamat," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Beliau berkata Dr. Siti Mazlina Mustapa Kamal dari fakulti yang sama telah dianugerahkan *The Very Best Award* melalui penyelidikan bertajuk *Fruits Grater and Peeler* iaitu produk pematut dan pengupas buah dan sayur.

Katanya anugerah *Women Innovator of The Year* diperolehi Prof. Madya Dr. Paridah Md. Tahir dari Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan UPM melalui peneli-



Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah (tengah) bersama Prof. Madya Dr. Sabira Khatun (tiga dari kiri), Dr. Siti Mazlina Mustapa Kamal (dua dari kiri), Prof. Madya Dr. Paridah Md. Tahir (tiga dari kanan) dan penyelidik lain pada sidang media di UPM baru-baru ini.

dikan, *A Method of Reducing Moisture and Surface Roughness in Oil Palm Stem Veneer* iaitu penciptaan mesin pemampat beroda yang boleh mengurangkan lembapan pada papan lapis yang berasal daripada batang kelapa sawit.

"Kejayaan mereka merangkul ketigatiga hadiah utama tersebut menunjukkan penyelidikan wanita UPM telah menunjukkan prestasi yang membanggakan," katanya.

Nik Mustapha berkata pada penganjuran kali ini Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi selaku penganjur telah menerima 460 projek penyelidikan pada 55 organisasi, majoritinya merupakan institusi pengajian tinggi awam dan swasta, institut penyelidikan dan sekolah-sekolah sains seluruh negara.

Beliau berkata UPM turut memenangi tiga pingat emas lain oleh Prof. Madya Dr. Abdul Rashid Mohamed Shariff dari

Fakulti Kejuruteraan dengan tajuk penyelidikan, *Web Precision Farmer*, Prof. Madya Dr. Jayakaran Mukundan (Fakulti Pengajian Pendidikan) dengan penyelidikan, *Evaluating Efficiency of Vocabulary Loading and Distribution in Textbooks using Concordance Software* dan Bukryman Sabri (Fakulti Ekologi Manusia) dengan penyelidikan bertajuk *Honeycomb Housing: Kampong in the City*.

UPM Juara IPTA Inovatif

Oleh Khairil Sarip

KOTA KINABALU - Universiti Putra Malaysia (UPM) muncul johan pertandingan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) peringkat Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) kali ke lima bagi kategori Pengurusan yang berlangsung di Universiti Malaysia Sabah baru-baru ini.

UPM yang diwakili oleh kumpulan SMART REG-O dari Pejabat Pendaftaran telah menghasilkan projek yang bertajuk Memantapkan Pengurusan Pelaporan Pelan Integriti Nasional, Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan dan Pasukan Petugas bagi Mengurangkan Kerenah Birokrasi (PPMKB) Tidak Teratur.

Hasil inovasi projek tersebut menyaksikan Sistem Pelaporan Integrasi UPM (SPIN) secara online telah dibuat dan mendapat pengiktirafan di peringkat IPTA.

Pendaftar UPM, Wan Azman Wan Omar berkata kemenangan yang diperoleh hasil usaha gigih setiap ahli kumpulan yang membuat persiapan secara menyeluruh dan terperinci.

"Bukan semua KIK boleh menterjemahkan inovasi dalam bentuk dokumentasi," katanya yang menyifatkan kemenangan itu mencetus semangat kepada kumpulan KIK lain



Wan Azman Wan Omar (berdiri tengah) dan Hashim Md. Shari (berdiri dua dari kiri) bersama kumpulan KIK selepas majlis penutup konvensyen tersebut.

di UPM untuk menghasilkan produk inovasi.

Kumpulan KIK merupakan kumpulan pekerja unit yang sama atau berlainan jabatan yang mengadakan

mesyuarat berkala bagi menganalisis masalah berkaitan kerja dan mengemukakan cadangan penyelesaian kepada pihak pengurusan untuk pertimbangan dan pelaksanaan.

UPM Menang IDB

SERDANG, 15 April - Universiti Putra Malaysia (UPM) memenangi anugerah Islamic Development Bank (IDB) Prizes For Science and Technology bagi kategori 'Institutions Having Achieved Outstanding Scientific or Technological Contribution to the Development of a Member Country' bernilai USD100,000.

Ketua Bahagian Komunikasi Korporat UPM, Abdullah Arshad berkata UPM dipilih oleh Jawatankuasa Pemilihan IDB Prizes for Science & Technology berdasarkan kecemerlangan UPM dalam bidang sains dan teknologi di Malaysia.

"Kemenangan ini berdasarkan impak tinggi UPM dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D), rekaan, inovasi, siswazah dan pengajian berkaitan," katanya.

Majlis penyampaian cek dan siji penghargaan akan disampaikan oleh Pengerusi Board of Governors pada majlis Mesyuarat 34th IDB Board of Governors di Ashgabat, Turkmenistan pada 2-3 Jun 2009.

Dalam perutusan tahniah oleh Presiden IDB, Dr. Ahmad Mohamed Ali, beliau berharap anugerah tersebut akan menggagalkan lagi institut pengajian tinggi berteraskan sains dan teknologi di Malaysia untuk terus mencapai kecemerlangan dalam teras berkenaan.

Melestari Budaya Organisasi Prestasi Tinggi – Naib Canselor UPM



Universiti Putra Malaysia memulakan lembaran baru 2009 untuk Melestari Budaya Organisasi Prestasi Tinggi dengan perancangan strategik untuk meningkatkan prestasi akademik, pengurusan serta pelbagai pencapaian lain bagi mengukuhkan kedudukan UPM pada peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Antara perancangan yang diatur adalah untuk menambah baik strategik UPM untuk menjadi pemimpin dunia dalam *A World Leader in New Tropical Agriculture* dan memperbaiki penarafan *The Times Higher Education - Quacquarelli Symonds (THE-QS)*.

UPM perlu memperkemas dan memperkasakan institusi selain belajar daripada institusi yang diakui terbaik seperti Harvard University, Oxford University dan University of Yale yang berjaya mengekalkan kecemerlangan mereka selepas berdekad penubuhannya.

Usahlah kita menjadikan alasan sejarah penubuhan universiti legenda tersebut kerana National University of Singapore yang masih muda juga mampu berada pada kedudukan ke-

30 universiti terbaik dunia tahun lalu.

UPM perlu sentiasa proaktif mendepani cabaran dan sentiasa memimpin serta tidak menjadi pengikut sehinggalah UPM menjadi kayu penguak kepada institusi lain.

UPM perlu menjadi 'Penyedia Perkhidmatan Pilihan', 'Majikan Pilihan' dan 'Institusi Pelaburan Pilihan' dengan menyediakan perkhidmatan terbaik supaya menjadi pilihan pelajar, pekerja dan pelabur melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, perundingan, perniagaan dan perkhidmatan kepakaran bagi tujuan komersial.

Budaya kesegeraan atau *sense of urgency* perlu dijadikan amalan warga universiti. Budaya ini perlu diterapkan dalam diri setiap warga UPM untuk melonjakkan tahap kecemerlangan dan produktiviti universiti ke tahap yang lebih tinggi. Keupayaan dan potensi universiti akan dapat digarap dengan lebih efektif dengan penerapan enam elemen asas kerangka organisasi prestasi tinggi iaitu *SCORES-Shared information and open communication* (perkongsiannya maklumat dan komunikasi terbuka), *compelling*

vision (visi yang meyakinkan), *ongoing learning* (pembelajaran berterusan), *relentless focus on customer results* (kelestarian ketutamaan pelanggan), *energizing systems and structures* (memperkasakan sistem dan struktur) dan *shared power and high involvement* (perkongsiannya kuasa dan pembabitannya menyeluruh).

Sebagai sebuah institusi pembelajaran, universiti mestilah mempunyai *flat organisation* kerana corak organisasi seperti ini akan membuka ruang dan peluang yang lebih luas terutamanya dalam mencambahkan inovasi pengurusan dan merencanakan pembangunan keilmuan.

Bagaimanapun *flat organisation* menuntut kita melaksanakan budaya pengupayaan atau *culture empowerment* dalam organisasi yang membolehkan kuasa autonomi membentuk *self directed team* dan *self directed individual*.

"Selain itu, kita akan berusaha membangunkan *Cockpit Management* pada tahun ini yang berupaya membantu keberkesanan pengurusan maklumat menggunakan pemantauan prestasi kualiti membabitkan seluruh warga universiti melalui Indeks Prestasi Utama dan *Balance Score Card*."

"Tahun ini, kita perlu mengekalkan status Universiti Penyelidikan supaya dapat menyumbang dengan lebih berkesan kepada pembinaan kekayaan negara," katanya.

Perancangan Pelan Strategik yang baru dirangka merangkumi visi yang jelas dengan ciri keluwesan (fleksibiliti) dan pengubahsuaian mengikut perubahan suasana dan ruang masa.

UPM perlu mempunyai wawasan yang jelas dengan mengambil kira perubahan persekitaran semasa sejajar dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara.

High Performing Organization mengutamakan budaya pengupayaan dengan menjadikan keseluruhan entiti saling berkait, berkongsi matlamat, bergerak sehaluan, dan mempunyai motivasi tinggi.

Saya percaya melalui 'Melestari Budaya Organisasi Prestasi Tinggi' UPM akan berupaya melakukan peningkatan dan mempraktikkan konsep *Total Quality Management* lebih berkesan, merealisasikan semua matlamat secara efektif dan memberi impak kepada ketamadunan bangsa.

Apa juga amalan terbaik yang terhasil seharusnya dikongsi bersama dalam kalangan warga universiti bagi mewujudkan persaingan sihat dan mempercepatkan proses evolusi UPM pada kedudukan lebih tinggi.

Berilmu Berbakti



Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah
Naib Canselor
Universiti Putra Malaysia

Terminal Editor



Menjulangi Tradisi Kecemerlangan

Alhamdulillah, sehingga kini sebanyak 60 edisi Tribun Putra telah berjaya dihasilkan dengan *tag-line* "Wadah Gagasan Keprihatinan" menjadikan salah satu akhbar Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang berprestij, dibaca oleh semua golongan sasaran merangkumi pelajar IPT, pjawat awam di kementerian-kementerian, khalayak ramai dan sehinggalah pembesar negara turut menatapinya. Sekadar rekod untuk pengetahuan pembaca, akhbar yang sedang anda tatapi ini telah sempena dilancarkan oleh Datuk Seri Najib Tun Razak pada 4 Ogos 1998 dalam satu majlis yang sederhana tapi meriah sempena lawatan setengah hari Menteri Pendidikan Malaysia ke UPM pada waktu itu. Foto kenangan Datuk Seri bersama tenaga penggerak utama Tribun Putra bersama Naib Canselor terpapar pada edisi kedua yang diterbitkan pada 5 September 1998 dengan berita bertajuk "Menteri Pendidikan Kagum Kemajuan UPM".

Tribun Putra mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah kerana perasmis pelancaran Tribun Putra, kini menjadi orang nombor satu negara iaitu Perdana Menteri Malaysia keenam. Kami percaya ketokohan kepimpinan yang dimiliki dapat memacu dan membawa negara tercinta Malaysia ke peringkat yang lebih cemerlang. Kejayaan dan kecemerlangan negara adalah berkait rapat dengan corak pengurusan yang cekap, berkesan, mempunyai hala tuju yang jelas dan sentiasa seiring dengan perubahan yang bergerak pantas. Semoga kepimpinan Datuk Seri akan terus berjaya menjulangi kecemerlangan untuk negara dan bangsa.

Tribun Putra edisi ke-60 memfokuskan kepada Persidangan Pemikiran Antarabangsa (ICOT) ke-14 2009 yang merupakan persidangan dwi tahunan bagi merealisasikan keadah berfikir yang berkesan dalam pembelajaran dan pengajaran hasil idea Dr. Edward De Bono dan Prof. Robert Rosenthal dari Universiti Harvard. Tribun Putra mengucapkan syabas dan tahniah kepada UPM yang menjadikan Malaysia sebagai negara Asia ke-2 selepas Singapura sebagai tuan rumah persidangan berprestij itu.

Tribun Putra kali ini turut memaparkan rekod kejayaan demi kejayaan yang diraih oleh warga UPM baik di peringkat dalam negara mahupun antarabangsa. Ini termasuklah kejayaan UPM membolot tiga daripada empat anugerah utama Ekspo Teknologi Malaysia (MTE) 2009 iaitu *Best of The Best Award*, *The Very Best Award* dan *Women Innovator of The Year*, di samping memenangi enam belas enang pingat melalui penyertaan berasaskan pertanian, sains kesihatan, bioteknologi, kejuruteraan komputer, seni bina dan pendidikan pada ekspo tersebut.

Tribun Putra turut menengahkan lembaran baru 2009 Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah yang memfokuskan 'Melestari Budaya Organisasi Prestasi Tinggi'. Tribun Putra percaya dengan penuh keyakinan kepimpinan Datuk Naib Canselor dapat merancang untuk meningkatkan prestasi akademik, pengurusan serta pelbagai pencapaian lain bagi mengukuhkan kedudukan UPM pada peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Perancangan strategik UPM untuk menjadi pemimpin dunia dalam *A World Leader in New Tropical Agriculture* dan memperbaiki penarafan *The Times Higher Education - Quacquarelli Symonds (THE-QS)* turut diberi tumpuan.

Kami tenaga penggerak Tribun Putra sentiasa mengalu-alukan sebarang komentar dan cadangan bagi memperbaiki lagi mutu serta persembahan akhbar kampus berprestij ini. Kerana andalah Tribun Putra wujud di kampus bumi tercinta. Selamat Membaca dan seterusnya Berfikir dengan Berkesan untuk masa depan yang cemerlang, gemilang dan terbilang!

Profesor Dr Sidek Ab Aziz
Ketua Editor Eksekutif Tribun Putra

EDITORIAL TRIBUN PUTRA 2009

Ketua Editor Eksekutif

Prof. Dr. Sidek Ab Aziz

Timbalan Ketua Editor Eksekutif

Abdullah Arshad

Ketua Editor

Khairul Anuar Muhamad Noh

Pembrita

Khairil Sarip

Sharifah Azmawati Syed Abd. Aziz

Sub-Editor (Bahasa Melayu)

Ahmad Yusoff Buyong

Sub-Editor (Bahasa Inggeris)

Sabrina Mahli

Sub-Editor (Online)

Khairil Sarip

Pembantu Pembrita

Nor Azizah Sabirin

Kalpana Subramaniam

Mohd Faisal Md Noor

Mohd Haizra Hashim

Penulis Bersekutu

Dr. Lim Swee Tin

Dr. Amini Amir Abdullah

Mohd. Nazri Md. Yasin

Shari Nizam Sha'ri

Ketua Jurugambar

Ahmad Fua'ad Alwi

Jurugambar

Noor Azreen Awang

Marina Ismail

Layout & Konsep

Khairul Anuar Muhamad Noh

Perunding Grafik

Arafat Mashhuri Awang

Pemasaran

Mohd Haizra Hashim

Mohd Rosli Hanafi

Kamarul Abu Bakar

Ahmad Hisham Ayub

Penyelenggara Online

Mohd Mazlimin Omar

Tribun Putra diterbitkan oleh Bahagian

Komunikasi Korporat, Universiti Putra

Malaysia. Tujuan penerbitan untuk

menyampaikan maklumat di samping

pelbagai rencana, berita, laporan se-

masa berkaitan bidang pendidikan

dan penyelidikan negara.

Surat-menyurat dan kiriman artikel/

berita/rencana hendaklah di alamat-

kan kepada:

Editor Tribun Putra

Bahagian Komunikasi Korporat

Universiti Putra Malaysia

43400 Serdang, Selangor

Telefon: 03-89466013

Faksimili: 03-89422609

Emel:

ka_khairul@putra.upm.edu.my

ks_khairil@putra.upm.edu.my

UPM Anjur ICOT

Oleh Khairul Anuar Muhamad Noh

KUALA LUMPUR – Universiti Putra Malaysia (UPM) terpilih menjadi penganjur Persidangan Pemikiran Antarabangsa (ICOT) edisi ke-14 yang akan diadakan pada 22 – 26 Jun 2009 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

Majlis pelancaran di KLCC baru-baru ini bertujuan untuk memberi publisiti ICOT dan mencari kerjasama dengan organisasi yang boleh membantu menjadi penaja bersama persidangan itu.

Pengerusi Eksekutif Puncak Niaga (M) Sdn. Bhd Tan Sri Dato' Rozali Ismail dalam ucapan perasmian-nya berkata dengan menjadi hos acara berprestij itu, ia memberi makna dan impak besar kepada universiti dan negara, sekaligus membuktikan kemampuan institusi pengajian tinggi tempatan menganjurkan acara besar.

Katanya ICOT 2009 menghimpunkan lebih 1,300 penyertaan dari seluruh dunia melibatkan 200 pembentangan kertas kerja oleh speaker utama dari pelbagai bidang terkemuka.

"Kehadiran tokoh dan nama besar ini dijangka akan menarik minat golongan profesional, korporat, pendidik serta penyelidik untuk menentang isu serta idea baru dalam pemikiran inovatif dan kreatif merentasi pelbagai disiplin.

ICOT 2009 diketuai oleh dua penasihat jawatankuasa penganjur iaitu Naib Canselor UPM, Prof.

Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah dan Dekan Sekolah Pengurusan Siswazah UPM, Prof. Dr. Samsinar Md. Sidin. Persidangan tersebut adalah hasil kerjasama Jawatankuasa Tertinggi Antarabangsa yang diketuai Prof. Dr. David Perkins dari Universiti Harvard.

Dr. Nik Mustapha pula berkata empat penceramah utama ialah Dr. Edward De Bono, pakar dalam bidang pemikiran kreatif, inovasi dan pengajaran langsung kemahiran berfikir serta Tony Buzan, pakar, penulis, penasihat dan pensyarah terkemuka dalam bidang berkaitan otak, pembelajaran dan kemahiran berfikir.

"Penceramah utama lain ialah Prof. Howard Gardner, Profesor Pengenalan Pendidikan John H. dan Elisabeth A. Hobbs dari Sekolah Siswazah Pendidikan Harvard, Tun Dr. Mahathir Mohamad, Robert Fisher, David Perkins, Arthur Costa dan Glenn Capelli," katanya.

ICOT 2009 merupakan persidangan dwi tahunan yang dianjurkan oleh sukarelawan yang dipilih untuk merealisasikan cara-cara berkesan berfikir dalam pembelajaran dan pengajaran hasil idea Dr. Edward De Bono dan Prof. Robert Rosenthal dari Universiti Harvard.

Persidangan tersebut yang telah berusia 22 tahun telah diadakan di Fiji pada tahun 1982, diikuti Puerto Rico 1989, Singapura 1997, Kanada 1999, New Zealand 2001, UK 2002, USA 1984, 1987, 1994



Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah menyampaikan cenderamata kepada Tan Sri Dato' Rozali Ismail (kiri) semasa majlis pelancaran tersebut.

dan 2003 dan Sweden 2007. Universiti Putra Malaysia (UPM) menjadikan Malaysia sebagai negara Asia ke dua selepas Singapura

sebagai tuan rumah persidangan berprestij itu. Maklumat lanjut ICOT boleh diperoleh melalui www.14ththinkingconference.com

Fakulti Sains Muhasabah Melalui Konvensyen

Oleh Sharifah Azmawati Syed Abd. Aziz

SERDANG – Konvensyen Fakulti Sains Universiti Putra Malaysia (UPM) menjadi medan perkongsian warga fakulti mengenai kejayaan fakulti pada tahun ini dalam usaha menambahkan perkhidmatan dan fungsi sedia ada.

Fakulti tersebut akan menghasilkan lebih banyak penyelidikan bagi melonjakkan kedudukannya agar muncul sebagai salah sebuah fakulti sains terulung di negara ini.

Tekad dan keyakinan itu selaras dengan geran penyelidikan RM42 juta yang diterima fakulti itu bagi Rancangan Malaysia Kesembilan yang merupakan geran tertinggi diterima berbanding fakulti lain.

Konvensyen selama dua hari itu bertujuan mendapatkan maklum balas pendekatan holistik fakulti untuk memantapkan empat jabatannya iaitu Jabatan Fizik, Kimia, Biologi dan Matematik.

Dekan Fakulti Sains, Prof. Dr. Sidek Ab. Aziz berkata semua ahli fakulti perlu memberikan komitmen dan menyumbangkan idea untuk tindakan bersama.

Katanya ahli sesebuah organisasi perlu bekerjasama mengambil bahagian dalam pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan sebagai tanggungjawab bersama.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berharap fakulti tersebut mensasarkan penarafan empat bintang bagi tahun 2009 berbanding pencapaian kini sebanyak dua bintang.



Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha (tengah) menyampaikan sijil dan trofi kepada penerima anugerah pada Malam Gemilang Sains.

"Cabaran utama yang perlu diatasi oleh warga fakulti ialah membuktikan kesungguhan membuat penambahbaikan menerusi tambahan bintang

pada tahun 2009," katanya.

Dalam perkembangan lain, Fakulti Sains menjadikan Malam Gemilang Sains 2008 sebagai acara tahunan meraikan staf fakulti yang memberi sumbangan cemerlang sepanjang tahun 2007 di Hotel Equatorial baru-baru ini.

Prof. Dr. Sidek berkata pengiktirafan diberikan kepada staf fakulti yang telah menyumbang kecermerlangan dalam bidang pengajaran, penyelidikan, pengurusan dan pengembangan profesional.

Sebanyak 10 anugerah telah diberikan kepada warga fakulti iaitu Anugerah Penghargaan Khas kepada Prof. Dato' Dr. Wan Mad Zin Wan Yunus, Anugerah Khas Tokoh Fakulti kepada Prof. Datuk Dr. Mohamed Sulaiman dan Anugerah Adi Saintis kepada Prof. Dr. Abd. Halim Shaari, Anugerah Adi Pengajar kepada Prof. Madya Dr. Gwendoline Ee Cheng Lian, Anugerah Adi Saintis Muda kepada Dr. Yap Chee Kong, Anugerah Adi Pengajar Muda kepada Dr. Nor Azah Yusof, Anugerah Kepimpinan Pengurusan kepada Prof. Madya Dr. Irmawati Ramli, Anugerah Juruteknologi Cemerlang kepada Mohamad Johadi Iskandar Che Jamil, Anugerah Kepimpinan Staf Sokongan kepada Siti Aminah Dato' Sani dan Anugerah Kecemerlangan Sukan dan Sosial diberikan kepada Luqman Hakim Musa.



Prof. Dr. Sidek (kiri), Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha (dua dari kiri) dan Prof. Dr. Jambari (tengah) sedang melihat pameran demonstrasi meniup kaca daripada staf Jabatan Kimia.

UPM Raih Liputan Media Cetak Tertinggi

Oleh Haizra Hashim

SERDANG, 1 April – Berdasarkan hasil pementauan sistem Mediabanc menunjukkan Universiti Putra Malaysia (UPM) berada pada kedudukan pertama institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang mendapat liputan tertinggi media cetak bagi berita korporat.

Pada tahun 2008, liputan media terhadap berita korporat UPM berjumlah 477 artikel berbanding 336 artikel pada tahun 2007 iaitu peningkatan sebanyak 141 artikel atau 41.9 %.

Selepas UPM, liputan berita korporat kedua tertinggi ialah UiTM, diikuti oleh UM, UKM dan USM.

Ketua Bahagian Komunikasi Korporat (BKK), Abdullah Arshad berkata berita korporat UPM mempunyai nilai pulangan perhubungan awam (public relation) paling tinggi iaitu bernilai RM10.1 juta jika dibandingkan dengan kategori berita lain kerana berita korporat memaparkan secara keseluruhan tentang organisasi khususnya pencapaian atau perembangannya.

"Berita korporat dihasilkan melalui liputan media dalam majlis tertentu ataupun berita yang di-sumbangkan oleh organisasi untuk diterbitkan oleh media massa," katanya.

Ketua Seksyen Media BKK, Khairul Anuar Muhamad Noh berkata, "Prinsipnya amat mudah, berfikirlah bagaimana media berfikir, nescaya kita dapat memenangi hati press untuk meraih publisiti!"

Wartawan Berita Harian, Basir Zahrom ketika mengulas pencapaian publisiti UPM berkata kelebihan UPM terletak kepada petugas media Bahagian Komunikasi Korporat (BKK) yang kerap menghantar kenyataan media, berita dan juputan publisiti majlis.

"Hubungan mesra media yang mereka jalinkan ternyata mempengaruhi sikap wartawan terhadap publisiti UPM di media massa," katanya.

Sementara itu wartawan Utusan Malaysia, Nazrul Azim Sharuddin pula berkata pengalaman staf BKK yang memahami dan mengambil berat kehendak wakil media barat sebagai jambatan hubungan media dengan warga UPM.

"Saya yakin jika pihak BKK meneruskan sikap ambil berat terhadap kehendak wartawan dan meneruskan sikap proaktif terhadap publisiti, kedudukan berita korporat UPM akan terus dipertahankan," katanya.

IASS Forms International Agriculture Network

By Khairil Sarip



Datuk Rohani Abdul Karim mingling with participants from the symposium during the opening ceremony.

SERDANG - International Agriculture Students Symposium 2009 (IASS 2009) held in Universiti Putra Malaysia (UPM) recently has formed a network for accessible collection of knowledge and experience gained by the agriculture students.

The symposium highlighted various aspects such as problems and challenges related to agriculture, apart from the effort to produce entrepreneurs in agriculture.

A number of 200 students from five international and local universities participated in the first ever held symposium co-hosted by Students Association of Faculty of Agriculture, (Permatani) and Faculty of Agriculture on the 4th till 13th January 2009 with the collaboration from Ministry of Higher Education, Ministry of Agriculture and Agro-based Industry, the International Agriculture Students Association and Tabung Haji Plantations Berhad.

Deputy Minister of Agriculture and Agro-based Industry, Datuk Rohani Abdul Karim said in her speech that the agro-based food sector is highly potential due to global food crisis.

"The necessity will be determined by the entrepreneurs themselves particularly in ensuring sufficient supply and the cost aptness," she said.

Meanwhile, the IASS Asian representative, Ibnu Sina Jaelani, hailed from Indonesia expressed hopes of participating in the upcoming symposium and wished to see more involvement from universities of ASEAN countries as the majority participation came from international organizations of European universities.

A Japanese student from Niigata University namely Mitsue Sakamaki, 25, informed the media that the symposium has broadened his experience on the latest agriculture techniques that directed towards a sustainable agriculture hoping to provide sufficient food supply in the country.

Apart from UPM, the 10-days symposium had received participants from Universiti Malaysia Sabah, Kasetsart University, Thailand; Niigata University, Japan and University of Agriculture Bogor, Indonesia.

Among the activities carried out during the symposium was a series of study tour to agriculture areas and places of interest around Kuala Lumpur, Putrajaya and Selangor.

Photo | Noor Azreen Awang

Bangladeshi Students Launched Book & Website



Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha (left) showing interest in the souvenir book while Waisuzzaman (center) looks on.

SERDANG - Bangladeshi Students Association of University Putra Malaysia (UPM) with the collaboration of International Division UPM has successfully launched a Souvenir Book, "Bangladeshi Scholars in University Putra Malaysia" in a ceremony held here recently.

The keepsake enclosed 51 profiles of the Bangladeshi scholars who are currently studying as well as those who have graduated in response to the purpose of maintaining network and interaction in the future.

"At the moment 25 Bangladeshi students are pursuing their studies in UPM and 108 post graduate students have successfully completed their courses since 1990," commented Mr. A.S.M Waisuzzaman, Counselor (Politics) from the office of High Commission of Bangladesh to Malaysia during the interview.

Publication of the book has been materialized upon the assistance of the Bangladesh High Commission and was worked on for several years.

The official launch of the Bangladeshi Students Association website at www.bsaupm.com was also held during the ceremony to provide assistance for the students from the country.

Mr. A.S.M Waisuzzaman said that students in the country are more interested to pursue their tertiary education in Malaysia mainly because of the affordable tuition fees as opposed to other countries such as the United States and Australia.

According to him, there are 5000 Bangladeshi students in this country including Sarawak and

Sabah and the number is steadily increasing.

"In Bangladesh alone, we have two million students who have completed their education at the secondary level and have shown keen interest to continue their studies in Malaysia," he added.

Meanwhile, Dr. Nik Mustapha mentioned that the launching of the souvenir book as well as the website will provide opportunity for the Bangladeshi students to expand their knowledge and to maintain contacts should there be changes of residential address among the students either from the sub-community or the community from UPM itself.

He also stressed that the launching will double as a directory which is capable to persuade new relations corresponding to the hindrance previously faced by the students in order to participate in the sub-community that might be in relevance of discussing their pursuits.

"It is with great hope that the members of Bangladeshi Students Association will assist not only their own comrades but other sub-community members as well," he said.

He also wished that the association, sub-community and the UPM's management will not put a halt to their effort of knowledge sharing through the information obtained from the souvenir book as well as content of the website.

"The outcome of the research done by the Bangladeshi scholars will also improve the research discoveries of UPM in aid of their quest to become the best research university in the region," he concluded.

Photo | Noor Azreen Awang

Dr Sarjit - Adjunct Fellow of IPPBM & IIM Member

By Khairul Anuar Muhamad Noh

SERDANG - He is a social activist and a lecturer at the Faculty of Human Ecology, Universiti Putra Malaysia, UPM. Recently, Dr. Sarjit Singh Darshan Gill is appointed as Adjunct Fellow at Malaysian Institute of Research for Youth Development (IPPBM) and a member of Malaysian Institute of Integrity (IIM).


His appointment by the Ministry of Youth and Sports Malaysia commenced on November 1st 2008 for one year duration and as a member of IIM for two years beginning January 1st.

During a brief interview, he expressed his hopes to contribute in the advancement of social science at the university and international level particularly on minority studies such as youth community and Malaysian culture.

"This appointment will provide opportunity for the academic staff of UPM to contribute towards the country's development," he added. He plans to magnify the industrial network between UPM with IPPBM and IIM.

Dr. Sarjit obtained his PhD in Sociology and Anthropology from Universiti Kebangsaan Malaysia and has been in service with UPM since 2000. He has also represented Malaysia in Workshop on Human Peace and Security organized by UNESCO Bangkok.

He regularly contributes his writings to Dewan Masyarakat, Dewan Budaya, Dewan Bahasa, Pelita



Dr. Sarjit Singh Darshan Gill

Bahasa, Dewan Siswa and Berita Harian, discussing local issues on humanity, community and culture. He has appeared on local TV stations such as RTM, TV3, TV9 and Bernama radio to share his point of views on relevant matters.

Photo | Marina Ismail

World Class University and Global Leadership - Prof Gary

By Sharifah Azmawati Syed Abd. Aziz

SERDANG - Universiti Putra Malaysia (UPM) organized an open lecture of Prof. Gary J. Confessore, the Higher Learning Professor Emeritus from George Washington University, US.

He shared his perception on suitable strategies applied in understanding the importance of global university leadership towards development of world class university and at the same time to secure crucial linkages for country nurturing the said purpose.

Prof. Gary said tertiary level education of universities around the world changed accordingly with the globalization era and used borderless system to get connected to each other.

He also said most of universities leaders are moving forward to become world class leaders or 'Global Leader'.

Universities leaders should ponder upon and start to improve related skills in pursuing progress of this new system practice.

"Concepts like Research University (RU) and APEX University of local universities was introduced in Malaysia to obtain world recognition.

"The question is how we are going to develop a world class university," he said in his lecture held at the Briefing Hall, UPM Administration Building.

A world class university ought to have leaders who are able to rise to global challenges by giving full commitment for better performance in all humanity related fields in university.

He said that a university also need to administer any high technology research for education purpose as well as to encourage the university researchers conducting free research, regardless of the frequent failure and focusing only the successful of the research.

Providing consumers with the best service through the best lecturers, researchers, supporting staffs, financial support and other benefits was also the main approach in introducing the university to the world and building up varieties of communication systems.

Prof. Gary said lecturers should challenge each other in practicing excellent management system.

Pejabat TNC (JINM) Penghubung Universiti – Industri – Masyarakat

Oleh Amran Samek & Rudie Tajuddin



Prof. Dr. Tai Shzee Yew (dua dari kanan) dalam satu majlis menandatangani MoU dengan Dutch Lady Milk Industries (M).

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) atau lebih dikenali sebagai Pejabat TNC (JINM) di bawah pentadbiran Prof. Dr. Tai Shzee Yew meneraju *Matlamat 5* Pelan Strategi Universiti Putra Malaysia (UPM) 2001 - 2010 Semakan 2007 iaitu untuk *Meningkatkan Jalinan Industri dan Masyarakat*.

Universiti telah mensasarkan enam objektif bagi merealisasikan pencapaian matlamat tersebut iaitu:

- Memantapkan jalinan strategik dengan industri;
- Memperkayakan pengalaman pembelajaran melalui latihan industri;
- Memperkasakan program pertukaran dua hala pegawai akademik dan industri;
- Menartakan perkhidmatan pengembangan pertanian, bioteknologi dan bidang berkaitan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa;
- Menyediakan peluang pembelajaran sepanjang hayat kepada masyarakat secara berterusan; dan
- Menyediakan program pembangunan keusahawanan tani untuk graduan dan masyarakat.

Melalui kerjasama pihak Industri, Masyarakat dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) di UPM, Pejabat TNC (JINM) beriltizam untuk menjayakan semua objektif yang digariskan dan akhirnya diharapkan dapat menghasilkan modal insan yang berkualiti tinggi bukan sahaja pada pelajar dan staf UPM tetapi juga pada masyarakat luar. Bagi memastikan objektif ini dicapai, Pejabat TNC (JINM) telah menetapkan peranan dan sasaran yang perlu dilaksanakan antara UPM - Industri - Masyarakat seperti pada Rajah 1.

Kerjasama Strategik

- Latihan industri
- Pertukaran staf
- Penyelidikan/ Pengkomersialan
- Kepakaran
- Perundingan
- Berkongsi kemudahan
- Sumbangan Dana

Pengembangan

- Latihan keusahawanan
- Khidmat kepakaran
- Kampung angkat
- Sekolah angkat

- Kursus pendek / Tanpa ijazah
- Makmal Sosial

Tanggung Jawab Sosial

- Khidmat sosial
- Kesedaran kepada alam sekitar
- Mewujudkan kesedaran industri/ masyarakat terhadap golongan OKU/Warga emas (yang berkeupayaan)
- Dana

Pejabat TNC JINM mempunyai tiga bahagian dan satu unit iaitu:

Bahagian Jaringan Industri

- sebagai penyelar kepada Latihan Industri Pelajar yang selama ini dikendalikan sendiri oleh fakulti-fakulti.
- sebagai penyelar kepada latihan profesional staf UPM di industri. Latihan dijalankan melalui program sangkutan atau pertukaran staf.

Bahagian Jaringan Masyarakat

- menyelar aktiviti khidmat pengembangan pertanian, bioteknologi dan bidang berkaitan peringkat nasional dan antarabangsa;
- menyelar aktiviti pembelajaran sepanjang hayat kepada masyarakat;
- menyelar program pembangunan usahawan tani yang dikendalikan oleh APEEC.

Bahagian Pentadbiran

- melaksanakan semua tadbir urus berkaitan sumber manusia Pejabat TNC (JINM) dan en-

“Pejabat TNC (JINM) adalah peneraju kepada matlamat 5: Meningkatkan Jalinan Industri dan Masyarakat dalam Pelan Strategi UPM (2001-2010)”

titi di bawah tanggungjawabnya;

- melaksanakan semua tadbir urus kewangan; menyokong aktiviti entiti lain yang di bawah tanggungjawab TNC (JINM);
- memastikan semua aktiviti yang dijalankan mematuhi peraturan yang ditetapkan.

Unit Perhubungan Industri


Unit Perhubungan Industri ini bertanggungjawab;

- mencari dan mendapatkan industri yang berminat untuk bekerjasama dengan Universiti dalam aktiviti penyelidikan, latihan industri, program pertukaran staf dan lain-lain kerjasama intelektual yang diperlukan;
- mempromosikan bidang kepakaran, penyelidikan dan kemudahan yang ada di UPM kepada pihak industri bagi tujuan pengkomersialan;
- memelihara hubungan baik dengan pihak industri yang telah pun mematri kerjasama dengan Universiti.



Satu perjumpaan bersama pihak syarikat yang diketuai oleh Prof. Dr. Tai Shzee Yew (tengah) dan Ketua Bahagian Latihan Industri, Dr. Kenny Teoh Guan Cheng (kanannya) untuk menempatkan pelajar latihan industri.

Rajah 1: Peranan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Jaringan dan Masyarakat).



Lawatan 'Kampung Angkat' ke Parit Medan, Johor bersama Pejabat TNC JINM, APEEC serta PTJ lain.

UPM Invented Express Wound Healer from Plant Extract

By Khairil Sarip



Photo | Noor Azreen Awang

Prof. Dr. Suhaila Mohamed showing Healex to members of the press during Research Products Promotional event in UPM.

SERDANG – A researcher from Universiti Putra Malaysia (UPM) has successfully invented a medicinal composition from palm leaves extract, seaweeds and sweet potato leaf that can heal wound rapidly.

The researcher, Prof. Dr. Suhaila Mohamed informed the media that the product aptly named as Healex is able to enhance wound healing and tissue or organ repair.

"Healex speeds up the recovery progression especially for those who suffered compromised healing process such as diabetic patients.

"This product can be taken orally in capsule version or applied topically on wounds and it is non-toxic, making it different from other products that are mostly tainted," she claimed during research promotional event held in UPM recently.

She also mentioned that the product may help to manage diabetes, hypertension, hypercholesterol, other cardiovascular ailments and cancer.

Dr. Suhaila, who is also a Professor at the Faculty of Food Science and Technology said studies conducted on rats indicates that Healex increased healing of incision and excision wounds by 30%.

The studies showed about 2cm healing in the animal's wounds occurred on the 15th day as opposed to untreated groups that were not applied with the product.

"The wounds that had been applied with Healex experienced increased wound contraction, accelerated maturation of granulation tissue to-

wards healing.

At the same event, she also presented her second research which is ADDEX, the first ever health promoting anti-oil absorption additive for frying oil that can reduce oil absorption in fried cooking by 30%.

She claimed that the product is composed of specially formulated biophenolics from plant.

"AddeX acts as natural fat antioxidants and oil absorption inhibitor with other health promoting properties such as anti-hypertensive, anti-histamine, anti-spasmodic, antibacterial, anti-hypercholesterol, anti-inflammation, anti-cancer and improve crispiness, taste as well as overall quality of the fried products.

"Consumption of the prepared food will less likely to contribute to obesity, hypercholesterol, cancer, hypertension and the speed-up ageing due to less excessive intake of fat calorie," she explained.

During the event, Assoc. Prof. Dr. Ishak Idris from the Faculty of Engineering introduced his research product on a multi-beam optical scanning system that can be used in a laser system applied in medical purposes especially on skin treatment.

"This new product is more flexible in terms of its scanning control as each of the scanning head in the multi-beam scanner system is able to work together intelligently," he explained as he estimated the product will be half-priced cheaper than the imported products.

Software System For Paddy Planters

By Sharifah Azmawati Syed Abd. Aziz



Photo | Noor Azreen Awang

Assoc. Prof. Dr. Abdul Rashid Mohamed Shariff (2nd from left) sharing victory with his research group as Dr. Mohd. Amin Mohd. Soom (2nd from right), Nik Norasma Che'ya and Ebrahim Jahanshiri look on.

SERDANG – A group from Universiti Putra Malaysia (UPM) Persistence Farming Engineering Research and Development (PREFERD) invented Spatial Decision Supporting System (SDSS) software called 'Paddy-GIS', the tool needed for paddy persistence farming.

The research, led by Head of Bio-information Technology, Biology and Agricultural Engineering Department, Assoc. Prof. Dr. Abdul Rashid Mohamed Shariff expressed his opinion to the media regarding the invention. He said that the SDSS system would assist paddy planters as well as the farm managers to handle paddy fields using computer technology.

"By operating this system, the planters and the managers will be able to deal with the soil plot in term of irrigation by accommodating suitable fertilizer, pesticide and work schedule.

"The technology is being used by eight paddy planters in Tanjung Karang who are chosen as the apprentice of this invention. 70 percents of the consumers said that it is easy to use for cultivation activities," he said during press conference held here, recently.

Dr. Abdul Rashid also added that the system was developed using Visual Basic Application and Microsoft Access which played role as the Data Base Management System (DBMS) that recorded cultivation activities.

"ArcGIS software was reinvented using Visual Basic Application (VBA) to help the consumers in producing scatter map of paddy plantation fertilizer.

"The fertilizer application map produced will act as the information centre for the planters, the

managers as well as those decision makers who are involved in the paddy plantation industry," he said.

He said that the system is user-friendly, and the planters would not take much time to master the system. It would be upgraded in the future.

Dr. Abdul Rashid also said that the data of the system allowed the planters and the managers to reduce burden of operational tasks as well as lessen the time and effort to achieve working target by learning computer technology.

"Hopefully the Ministry of Agriculture and Basic Farmers Industry will inject some incentives for the planters, farmers and related societies to purchase the technology as well as supports from the researchers group in term of trainings," he said.

He also said that Malaysia was looking forward for modernization effort in agriculture and reaching the same standard as in Japan and in the United States of America by maximising the use of soil and reaping maximum yield in long term period.

The approach made him won the Diamond Award during the British Invention Show (BIS) in London for the only invention related with environmental issue that applied GIS system as the controller in supervising the use of fertilizer.

The project developed opportunities for collaboration with distinct government agencies like Remote Sensing Agency, Department of Agriculture, Barat Laut Selangor Integrated Agricultural Development Area, Division of Agricultural Drainage and Irrigation, Drainage and Irrigation Department and Malaysia Agricultural Research and Development Institute.

UPM Beat Other IPTA With 514 R&D

KUALA LUMPUR – Universiti Putra Malaysia (UPM) is leading other IPTAs with the 514 researches and development projects granted under the Fundamental Research Grants Scheme (FRGS).

Deputy Minister of Higher Education, Dr. Hou Kok Chung disclosed the statement based on the record reviewed from 2006 till 2008 during the Parliament proceeding held recently.

"This is followed by Universiti Sains Malaysia (348 R&D projects), Universiti Kebangsaan Malaysia (345), Universiti Teknologi Malaysia (328)

and Universiti Malaya (278)," he said.

He added that a number of 56 R&D products invented by IPTA have been successfully commercialized with gross sales worth RM44.3mil as June last year.

"About 311 products are potentially to be commercialized," he said.

Hou stated that the Ministry put strong emphasis on R&D being carried out in the higher education institutes and provide conducive environment that encourage more commercialization activities to manufacture the R&D products.



Photo | Noor Azreen Awang

A researcher from UPM doing some explanation to her students.

Dr. Osamanu Discovered New Technology of Isolating Humic Acids

By Fairuz Bawaze'er Mughtar & Khairul Anuar Muhd Noh



Dr. Osamanu prefers to spend his time with experiments in his laboratory.

A researcher hailed from Universiti Putra Malaysia, Bintulu Campus (UPMKB), Dr. Osamanu Haruna Ahmed who serves with the Department of Crop Science, Faculty of Agriculture and Food Sciences has successfully conducted a research pertaining to the technology of isolating humic acids (HA) from organic and inorganic substances. The technology is simple, rapid and cost effective.

His research, appositely titled 'Simple, rapid and cost effective technology of isolating humic acids from organic and inorganic substances' explored the method for isolation of HA from humified substances such as peat soils, charcoals, compost and other substances in the soil.

An example of humic substances is humic acids which play significant role in maintaining soil physical, chemical and biological properties. They also serve as plant hormone and as such contribute to plant growth and development.

"Apart from reducing ammonia volatilization, the salts of these acids are used in agriculture as fertilizer," explained Dr. Ahmed, who is also the gold medal winner at the Invention and New Product Exposition (INPEX) held in Pittsburg, USA last year.

He express his concern that, in spite of being abundant in peat soils, composts, coal and so forth, Malaysia still brings in humic acids from overseas because the isolation process is expensive, laborious and time consuming.

Factors that affect the quality and yield of HA isolated from soils include the period of extrac-

"UPMKB is able to fulfil my academic requirements and they are responsive in discovering my potential. I would like to take this opportunity to congratulate UPMKB to always come up with its own goals,"

tion, fractionation and purification from humic substances.

It normally requires 12 to 48 hours for a single HA extraction and fractionation process to take place. Generally, the HA purification will take a day to seven days which involves the samples being washed extensively with using distilled water instead of using hydrochloric (HCl), hydrofluoric (HF) and an expensive process called dialysis.

The discovery of the research has successfully reduced the duration of HA isolation. The HA extraction from humic substances can be done within 4 hours and the fractionation only takes 2 hours. In addition, the purification can be performed within 1 hour using distilled water and centrifugation. Conclusively, the result of this research productively lessen the cost and processing time of HA isolation to only 7 hours as opposed to 1-7 days with the previous technique.

Dr. Osamanu, a PhD degree holder of Soil Fertility and Management from UPM in 2002 was appointed as Postdoctoral Research Fellow at the same year by UPM before he held the position as Senior Lecturer from 2006 until now.

He is originally hailed from Suhum, his hometown in Ghana and was born in 1970. He received O level education as well as A Level and a Bachelor of Agricultural Science (Soil Science) in his own country, Ghana.

He feels strongly for UPMKB as the suitable place to build up his carrier. Its tranquil atmosphere allows him to perform best as a lecturer, researcher and consultant without any time constraint.

"UPMKB is the right place for my field of studies as it is enriched with the main source for my research that is peat soil.

"UPMKB is able to fulfil my academic requirements and they are responsive in discovering my potential. I would like to take

"Apart from reducing ammonia volatilization, the salts of these acids are used in agriculture as fertilizer,"

this opportunity to congratulate UPMKB to always come up with its own goals," said Dr. Osamanu, an expert of soil fertility and management, humus chemistry wastes management and utilization, nutrient cycling, soil carbon storage and pollution management (air, water and soil).

He is very contented to be part of UPM Bintulu Campus compared to UPM Serdang Campus. The contexts being Bintulu embraced a population who are mostly farmers; very much similar with his hometown Ghana. He could also feel the warmth of relationship between the students and the lecturers which he exclusively experienced in UPMKB.

Dr. Osamanu was recognized by 2008 INPEX and has bagged gold and bronze medals in the exhibition. He was also awarded a silver medal during the 2008 Malaysia Technology Exhibition, a silver medal for UPM 2007 Research, Invention and Innovation during Universiti Putra Malaysia (UPM) 2007 Excellence Award, including a Silver Award for UPM 2002 Inventions and Research.

He played role as a leader for two research projects and co-researcher for five other projects. He also published a book and

produced two patents, 53 publications in cited journals and three journals in non-cited journals. Dr. Osamanu is currently a member of Several Editorial Advisory Board of internationally recognized scientific journals.

In addition, he works as a lecturer on a regular basis for the Agriculture Officers for a short course relating to 'experimental designs and analyses' and 'research methodology' in agriculture field, organized by Malaysia Agriculture Department.

His future research would be focused on commercial production of competitive price N-P-K humates and fulvates base fulvic acids, use of stabilized carbon of humic acids in identifying the health level of soil in forest and zeolite usage to yield slow-release fertilizer.

Dr. Osamanu is highly determined to improve his teaching skills and to produce more excellent and job marketable students. He is very optimistic to be an outstanding professor and aspires to win the Noble Prize.

"Despite the fact of successfully obtaining financial support from the Higher Education Ministry, still, I am expecting a positive feedback regarding to this research from MOSTI soon,"

"Never say die!", "A Journey of 1000 miles begins with one foot" and "Success of tomorrow begins today" are part of his motivational philosophies to keep on going and consistently aims for high quality and productive outcomes because he believes that there is no such short cuts in one's life journey.

His previous adverse livelihood in Ghana etched in his memory will always make him stronger than ever.



Dr. Osamanu, with his collection of medals and research awards

Dr. Sarjit - Saintis Sosial Rujukan Media

Oleh Khairul Anuar Muhamad Noh




Foto | Marina Ismail

banyak menulis dalam media massa dan majalah popular tentang keunikan dan kekayaan budaya dan bangsa Malaysia. Saya melihat perpaduan dan integrasi nasional perlu disuburkan sepanjang masa dengan berpaksaan kepada Rukun Negara. Semua pemimpin dan lapisan masyarakat perlu bersatu padu membantu menajayakan visi dan misi pemer-

"Pelajar universiti perlu bersikap terbuka untuk mempelajari keunikan kebudayaan masyarakat Malaysia."

intah untuk merealisasikan Wawasan 2020 dan Misi Nasional 2057. Pelajar universiti perlu bersikap terbuka untuk mempelajari keunikan kebudayaan masyarakat Malaysia. Persefahaman dan perpaduan pelajar universiti boleh memberikan kebaikan kerana mereka bakal menjadi aset masa depan negara. Golongan belia ini perlu diberikan ruang dan peluang menajana idea untuk memacu pembangunan negara. Kerjasama dan kesepaduan masyarakat amat penting untuk memastikan segala perancangan yang dibuat oleh pemerintah dapat dijayakan secara bersepadu dan berhemah.

TP: Mengapa memilih bidang antropologi dan sosiologi serta menjadi aktivis masyarakat?

Saya memilih bidang antropologi dan sosiologi kerana ia penting untuk mempelajari kehidupan manusia dan masyarakat. Saya banyak mempelajari kebudayaan masyarakat Malaysia baik majoriti dan minoriti. Sebagai seorang ahli antropologi sosial, saya cenderung memperjuangkan komuniti yang dikaji. Saya menggunakan modus operandi dengan cuba membawa masalah masyarakat ke peringkat tertinggi seperti jabatan dan agensi kerajaan. Semua ini dilakukan dalam pelbagai saluran seperti menulis dalam media massa, pembentangan kertas kerja dan berurusan dengan pihak yang berkaitan. Bagi saya, inilah cara terbaik saya untuk 'membayar' kembali janji saya kepada komuniti yang dikaji. Saya mendapat ketenangan sebagai aktivis masyarakat setiap kali memperjuangkan sesuatu komuniti. Apa yang penting ialah nawaitu untuk membantu perlu ikhlas tanpa sebarang balasan. Adakala saya dikritik dan bagi saya inilah cara terbaik untuk membantu ahli masyarakat dengan memperjuangkan kebenaran.

TP: Falsafah dan nasihat kepada pelajar UPM?

Prinsip kerja saya berfokus atas ketepatan masa dan tidak menghampakan individu yang memerlukan bantuan dan nasihat. Saya bangga kerana berjaya melahirkan penyair muda dalam bidang penulisan. Hal ini kerana dalam zaman sekarang, manusia jarang mempunyai masa untuk berkongsi ilmu dengan orang lain. Bagi saya, lebih ramai yang kita bantu maka sudah tentu Tuhan akan sentiasa memberi pedoman dalam apa jua bidang yang kita ceburi. Inilah nasihat saya kepada pelajar UPM agar terus membantu manusia tanpa mengira latar agama, budaya, gender dan fahaman politik.

Dr. Sarjit Singh Gill dilahirkan pada 19 Oktober 1973 di Kuala Lumpur, mendapat pendidikan peringkat BA, MA dan Ph.D dalam bidang Antropologi & Sosiologi dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kajian beliau adalah pengajian minoriti dan belia minoriti seperti Orang Asli, Chetti, Gurkha dan sebagainya.

Mula berkhidmat sebagai tutor di UPM sejak Jun 2000 dan kini bertugas sebagai penyarah kanan di Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan, Fakulti Ekologi Manusia, UPM.

Beliau merupakan penyelidik bersekutu sejak 2007-2009 di Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS), UPM. Pada tahun 2008, dilantik sebagai Ketua Program Pendidikan Komuniti di bawah Lab Pendidikan Komuniti dan Pengajian Belia, IPSAS.

Pada 2008 beliau telah dilantik sebagai Felo Adjun di Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan. Pada 2009, beliau dilantik sebagai ahli Institut Integriti Malaysia (IIM) selama dua tahun.

Menjadi penulis untuk pelbagai majalah terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka sejak 1999, antaranya Dewan Masyarakat, Dewan Budaya, Dewan Bahasa, Pelita Bahasa dan Dewan Siswa serta giat menyumbang rencana dalam akhbar Berita Harian dan Utusan Malaysia. Sering dijemput oleh RTM, TV3, TV9 & Radio24 Bernama untuk memberikan pandangan mengenai masyarakat Malaysia.

Tidak hairanlah Dr. Sarjit sering menjadi rujukan pihak media massa berkenaan isu-isu sosial.

Beliau pernah mewakili Malaysia dalam Bengkel Keamanan dan Keselamatan Manusia anjuran UNESCO Bangkok pada 2007.

Tribun Putra (TP): Sumbangan kepada bidang sains sosial di peringkat universiti dan negara?

Di peringkat universiti, saya gembara mengajar pelajar kursus Pengantar Sosiologi dan Antropologi. Banyak yang boleh saya kongsi bersama pelajar dan

staf UPM dalam memahami kehidupan manusia dan masyarakat serta kebudayaan Malaysia. Keunikan budaya masyarakat Malaysia memberikan saya semangat untuk mempelajari segala aspek kehidupan mereka seperti norma, nilai, adat resam, pantang larang dan perayaan. Bidang sains sosial perlu dimajukan di UPM dan diberikan satu martabat yang tinggi seperti mana kita meraikan bidang sains. Oleh itu, Akademi Sains Sosial yang ditubuhkan baru-baru ini perlu diberikan peranan yang penting untuk memandu dan memacu hala tuju negara. Kejayaan Malaysia banyak bergantung kepada aspek sosial dalam kehidupan manusia seperti mana Perdana Menteri kita memberikan ketuamaan kepada pembangunan modal insan dan gagasan 'Satu Malaysia'.

TP: Anugerah yang dicapai saat ini?

Saya mendapat Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) pada tahun 2005, 2006 dan 2007. Ketiga-tiga anugerah ini banyak menyuntik semangat jagung saya untuk mencapai kecemerlangan sekali gus memajukan UPM dan Fakulti Ekologi Manusia.

Baru-baru ini saya dianugerahkan Darjah Ahli Mahkota Perak (A.M.P) sempena Hari Keputeraan Yang ke-81 Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Azlan Muhibbuddin Shah, Sultan Perak.

TP: Komen terhadap fenomena integrasi kaum di UPM dan negara?

Negara kita bertuah kerana mempunyai pelbagai masyarakat yang warnawarni sifatnya. Namun, bak kata pepatah Melayu 'tak kenal, maka tak cinta' ini perlu difahami dan dihayati dengan minda terbuka. Mengapa kita selalu leka dengan tema perbezaan dalam masyarakat. Bukankah kita seharusnya meraikan kepelbagaian masyarakat Malaysia yang indah jika dikaji dengan niat dan hati yang terbuka. Di peringkat negara, saya

Dr. Amiri Amir Bin Abdullah
Pengarah Pusat Islam
Universiti Putra Malaysia

MIMBAR TRIBUN
SAYANGILAH RASULULLAH S.A.W



PEMANTAPAN INTEGRITI DAN AKAUNTABILITI SELARAS AJARAN ISLAM



Integriti ialah nilai pegangan, maruah dan etika yang baik dalam melaksanakan sesuatu yang sah dan benar. Ia juga berkait rapat dengan kejujuran, kebolehppercayaan, keadilan, kawalan diri, nilai moral positif, kekuatan aqidah dan spirituliti. Akauntabiliti pula adalah satu konsep dalam etika yang mempunyai beberapa maksud. Ia selalunya digunakan sinonim dengan konsep kebertanggungjawaban, tanggungjawab, kebolehpersalahan, liabiliti, dan terma-terma lain. Ia boleh dikaitkan dengan ekspektasi seperti penyerahan tugas tertentu yang diamanahkan yang mesti ditunaikan. Ia juga berkait rapat dengan tanggungjawab individu atau organisasi dalam pelaksanaan fungsi-fungsi tertentu.

Dalam suasana ekonomi yang tidak menentu sekarang, saya masih teringat akan TEKAD 2008 yang mengandungi lima matlamat yang hendak dicapai yang merupakan keutamaan dalam penerapan Pelan Integriti Nasional (bagi fasa Pertama 2004-2008) iaitu; "...mengurangkan gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa secara berkesan; meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian khidmat awam dan mengatasi kerenaah birokrasi; meningkatkan tadbir urus korporat dan etika perniagaan; memantapkan institusi keluarga dan komuniti; dan meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat." Pelan Integriti Nasional (PIN) telah dilancarkan oleh mantan YAB, Perdana Menteri Malaysia pada 23 April 2004. Ia bertujuan melahirkan masyarakat berintegriti tinggi, beramanah dan beretika.

Integriti dan akauntabiliti merupakan sebahagian daripada ajaran yang terkandung dalam Islam. Integriti dan akauntabiliti merupakan amanah Allah kepada umat manusia yang terkandung di dalamnya konsep keadilan dan kesaksamaan. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud: Sesungguhnya Allah menyeruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyeruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhannya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi

sentiasa Melihat. Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisih) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) Rasulullah - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat, yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya. (Surah Al-Nisa': 58-59)

Teras kepada sifat amanah ialah kualiti keadilan. Integriti dan akauntabiliti pula berpaksaan sifat amanah dan ihsan. Pada asasnya, konsep ihsan sahaja sudah cukup untuk menjadi kekuatan kepada insan bagi menjamin integriti dan akauntabiliti yang tinggi. Seperkaralah, setiap perkara yang kita lakukan di dunia dipertanggungjawabkan kepada kita oleh Allah s.w.t. Pemimpin, ketua rumahtangga, pemilik harta, para pekerja dan semua insan akan dipersoalkan oleh Allah s.w.t. di akhirat kelak sebab masing-masing mempunyai liabiliti ke atas tanggungjawab masing-masing. Ini terbukti daripada sabda junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w. yang bermaksud:

Tiap-tiap orang di kalangan kamu menjadi pemimpin dan tiap-tiap orang akan disoal berkenaan dengan kepemimpinannya. Maka pemimpin yang memerintah akan disoal berkenaan dengan kepemimpinannya. Orang lelaki yang menjadi pemimpin keluarganya akan disoal berkenaan dengan orang-orang yang terdiri daripada keluarganya. Orang perempuan yang menjadi pemimpin rumahtangganya (iaitu selepas suaminya) akan ditanya tentang tanggungjawabnya. Anak menjadi pemimpin dalam urusan harta orang tuanya akan disoal berkenaan dengan tanggungjawab kepada ibubapanya. Pekerja menjadi pemimpin kepada harta tuannya dan akan disoal berkenaan dengan tanggungjawabnya. Maka setiap orang di kalangan kamu menjadi pemimpin dan tiap-tiap orang di kalangan kamu akan disoal berkenaan dengan tanggungjawabnya.

Pada masa yang sama, peralihan kepemimpinan negara membawa kepada satu perubahan drastik dengan pengenalan konsep "Satu Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" yang digagaskan oleh YAB, Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak mencakupi aspek pengukuhan hubungan etnik, penerapan nilai saling hormat-menghormati, nilai toleransi, saling percaya-mempercayai, keyakinan antara satu sama lain, ketuamaan kepada keperluan dan kebajikan rakyat serta peningkatan prestasi sebenar kerajaan dengan keseluruhan jenteranya melonjak ke arah kecemerlangan dan kemegahan. Gabungan konsep baru ini dengan kekuatan integriti dan akauntabiliti akan memberikan banyak momentum dan impak kepada kemajuan dan pembangunan rakyat dan juga negara serta memantapkan keberkesanan kerajaan.

Perintis Bioteknologi dan Makanan Halal

Fakulti Sains dan Teknologi Makanan



Fakulti Sains dan Teknologi Makanan (FSTM) bermula sebagai sebuah jabatan iaitu Jabatan Sains dan Teknologi Makanan di bawah Fakulti Pertanian pada tahun 1972 yang mengkhusus kepada dua sub-bidang utama iaitu Kimia dan Mikrobiologi Makanan serta Pemprosesan dan Kejuruteraan Makanan. Jabatan kemudiannya dinaiktaraf kepada sebuah fakulti pada tahun 1982 dengan dua jabatan iaitu Jabatan Sains Makanan dan Jabatan Teknologi Makanan bagi menyokong penwaran program Bacelor Sains dan Teknologi Makanan.

Dalam tempoh 36 tahun kewujudannya, FSTM telah memberi pelbagai sumbangan kepada Universiti Putra Malaysia (UPM) dan memperoleh pelbagai pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Iktu temubual wartawan Tribun Putra, **Khairul Anuar Muhamad Noh** dan jurugambar **Noorazreen Awang** dengan Dekan FSTM, Prof. Dr. Mohd. Yazid Manap (gambar bawah) untuk mengulas lanjut pencapaian fakulti.



TP: Apakah pencapaian dan pengiktirafan fakulti setakat ini?

FSTM merupakan peneraju bidang Sains dan Teknologi

Makanan bukan sahaja di UPM tetapi juga di Malaysia serta perintis bidang bioteknologi dan makanan halal di UPM. Jumlah alumni Bacelor Sains dan Teknologi Makanan seramai 1,569, Bacelor Sains (Bioteknologi) seramai 747 dan Bacelor Sains (Pengajian Makanan) seramai 1011 orang. FSTM juga merupakan antara penyumbang terbesar tenaga pakar dalam bidang sains dan teknologi makanan di Malaysia.

FSTM menawarkan hanya dua program peringkat pra-siswazah iaitu Bacelor Sains dan Teknologi Makanan dan Bacelor Sains (Pengajian Makanan) selepas Jabatan Bioteknologi ditukar menjadi Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul pada tahun 2004. Selain itu FSTM antara fakulti yang terawal mendapat persijilan MS ISO9001:2000 pada tahun 2008.

FSTM mempunyai 31 pegawai akademik dengan 94% daripadanya berkelulusan PhD. FSTM telah melantik seramai 28 orang tutor untuk mengikuti pengajian yang diperlukan oleh setiap jabatan seperti bidang pemprosesan dan kejuruteraan makanan, makanan fungsian, pemakanan, keselamatan makanan, mikrobiologi makanan, reologi, teknologi sejuk-beku, teknologi nano, bioteknologi makanan, perkhidmatan makanan dan pengurusan operasi makanan.

TP: Apakah bidang fokus utama FSTM?

Bidang fokus yang terdapat di FSTM iaitu Sains dan Teknologi Makanan, Pengurusan Makanan dan Perkhidmatan Makanan yang sentiasa pesat berkembang. Bagi menyediakan pelajar untuk menghadapi cabaran globalisasi, FSTM sangat dinamik membangunkan kurikulum mengikut kehendak semasa dan majikan. FSTM juga sentiasa membuat

PEGAWAI AKADEMIK	BILANGAN
PROFESOR	10
PROFESOR MADYA	8
PENSYARAH KANAN	5
PENSYARAH	8

semakan kepada program bagi meningkatkan kualiti graduan yang dihasilkan. FSTM merupakan fakulti pertama yang menerajui semakan program bagi mengubah program tiga tahun kepada empat tahun berdasarkan keperluan industri.

Selain daripada program Bacelor Sains dan Teknologi Makanan, FSTM akan menawarkan dua program baru hasil penstrukturan semula program Bacelor Sains (Pengajian Makanan) iaitu Bacelor Pengurusan Perkhidmatan Makanan dan Bacelor Pengurusan Operasi Makanan.

Sebagai perintis bidang sains dan teknologi makanan di Malaysia, FSTM telah diberikan peranan oleh Kementerian Pengajian Tinggi sebagai Pengerusi Jemaah Dekan IPTA yang menawarkan program berkaitan makanan bagi membincangkan isu berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran serta 'stakeholder' bagi Sains dan Teknologi Makanan dan Perkhidmatan Makanan.

Jumlah geran penyelidikan yang telah diperolehi bagi tahun 2007/2008 telah melebihi 8 juta dan 89% pegawai akademik fakulti merupakan penyelidikan utama, lebih tinggi daripada matlamat universiti penyelidikan yang menetapkan 85% pensyarah sebagai penyelidik utama.

TP: Apakah antara kejayaan FSTM?

Penubuhan Institut Penyelidikan dan Produk Halal UPM merupakan spin-off daripada kejayaan FSTM menerajui penyelidikan sains halal telah mendapat pengiktirafan negara dalam isu

halal. Selain itu salah satu daripada kumpulan penyelidikan di FSTM telah berjaya mencapai tahap Centre of Excellence (COE). Pusat ini juga telah mendapat pengiktirafan negara khususnya daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang telah memberi dana penyelidikan yang berterusan bagi memainkan peranan signifikan dalam isu keselamatan makanan di Malaysia. FSTM telah berjaya mewujudkan Makmal Analisis UPM-BERNAS hasil daripada kerjasama kepakaran di antara fakulti ini dan pihak pemberi dana iaitu BERNAS.

TP: Sejauhmana kejayaan penyelidikan dan penerbitan fakulti di dalam dan luar negara?

FSTM merupakan fakulti yang terbaik dari segi output penyelidikan iaitu FSTM mencapai hampir kesemua *Key Performance Indicators* yang ditetapkan dibawah universiti penyelidikan. FSTM telah menunjukkan pencapaian yang amat baik semasa audit

Manakala geran antarabangsa disumbangkan oleh RAWAFID (Arab Science and Technology Funding) sebanyak RM 155,000. Dalam tempoh 2004 -2008, fakulti telah berjaya memperoleh dana bernilai 2 juta lebih hasil kerjasama FSTM bersama FAMA dan BERNAS.

Dengan mewujudkan lima kumpulan penyelidikan iaitu Keselamatan Makanan, Pemprosesan dan Kejuruteraan Makanan, Bioteknologi Makanan dan Makanan Fungsian, dan Pengurusan Makanan, FSTM dapat meningkatkan percambahan idea dan semangat kerja berpasukan untuk memastikan bidang penyelidikan dapat dimantapkan secara berterusan dengan wujudnya sistem mentor-mentee mengikut cohort.

Hasil daripada perancangan ini, FSTM menunjukkan pencapaian yang tertinggi di UPM dan hampir mencapai taraf kategori empat bintang daripada skala lima mengikut skala pencapaian Pejabat Timbalan Naib Cancellor (Penyelidikan dan Inovasi) semasa audit 2008 Universiti Penyelidikan (RU) yang lalu.

Kandungan laman web FSTM (penyelidikan) turut diiktiraf sebagai laman web terbaik di UPM dan dijadikan contoh kepada fakulti lain semasa pembentangan hasil dapatan audit RU pada Julai 2008. Melalui penyelidikan dan kepakaran staf akademik FSTM, FSTM telah berjaya membentuk dan mengeratkan lagi hubungan kerjasama penyelidikan dengan institusi peringkat antarabangsa termasuk FAO, EU,

ini, FSTM menawarkan program Bacelor Sains (Bioteknologi) dan nama fakulti ditukar menjadi Fakulti Sains Makanan dan Bioteknologi.

Pada tahun tersebut juga, fakulti menawarkan program Bacelor Sains (Pengajian Makanan) bermula dengan dua opsyen iaitu opsyen Pengurusan Mutu Makanan dan Pengurusan Makanan. Pada tahun 1997, opsyen program Bacelor Sains (Pengajian Makanan) diperkembangkan lagi dengan penambahan opsyen Pentadbiran Perkhidmatan Makanan.

Pada tahun 2000, program Bacelor Sains (Pengajian Makanan) menambah satu opsyen iaitu opsyen Pengkhususan Pemasaran Makanan dan dengan penambahan tersebut fakulti mempunyai empat opsyen pengajian di bawah program Bacelor Sains (Pengajian Makanan).

Selaras dengan pertumbuhan bidang pengajian di fakulti, pada tahun 2005, FSTM menubuhkan satu lagi jabatan iaitu Jabatan Pengurusan Khidmat Makanan yang memberi penekanan kepada penggunaan sains dan teknologi serta pengurusan dalam perkhidmatan makanan.

Kini, FSTM menawarkan dua program peringkat pra-siswazah iaitu Bacelor Sains dan Teknologi Makanan dan Bacelor Sains (Pengajian Makanan) dengan opsyen Pengurusan Makanan, Pengurusan Perkhidmatan Makanan dan Pemasaran Makanan dengan jumlah enrolmen seramai 667 pelajar.

universiti penyelidikan pada 28 Januari 2008 oleh pihak Pusat Pengurusan Penyelidikan Universiti, UPM muncul sebagai FSTM terbaik semasa pengauditan dari segi pencapaian penerbitan dalam jurnal berimpak tinggi meliputi 49 penerbitan (1.69 penerbitan per pensyarah) bersamaan 64.48 faktor impak (2.22 faktor impak

"Sebagian besar daripada graduan telah berjaya menerajui syarikat konglomerat makanan tempatan dan antarabangsa."

per pensyarah) untuk 2007.

Untuk tahun 2008 pula, pencapaian yang diperolehi adalah 70 penerbitan (2.26 penerbitan per pensyarah) bersamaan 68.001 faktor impak (2.19 faktor impak per pensyarah). Dari segi penerimaan geran pula FSTM mempunyai sebanyak 56 geran yang masih aktif sepanjang tahun 2008 dengan jumlah dana RM 9,316,217.40.

Geran yang diperolehi merangkumi daripada geran awam, geran swasta dan geran antarabangsa. Selain geran FRGS, SCIENCEFUND, MOH, RUGS, LKIM dan FAMA yang merupakan geran awam, geran swasta yang diterima oleh fakulti meliputi geran BERNAS (RM 375,000), geran MAKNA (RM 300,000), geran Ajinomoto (RM 40,000), geran Golden Hope (RM 300,000) dan geran Sushi Kin (RM 18,800).



Codex, negara Asean dan Australia.

Pada tahun 2008, penyelidik FSTM telah menerima sebanyak 23 anugerah yang berkaitan dengan penyelidikan sama ada di dalam mahupun luar negara. FSTM juga telah mendapat tempat kedua negara dalam bilangan paten pending individu pada tahun 2008.

TP: Ceritakan sejarah fakulti, statistik graduan, tenaga akademik dan bidang pengajian yang ditawarkan?

Pada tahun 1986, fakulti menubuhkan Jabatan Bioteknologi yang memberi penekanan kepada bidang biologi molekul, fermentasi dan kejuruteraan bioproses dan sel dan kultur tisu. Serentak dengan penubuhan

Bilangan pelajar siswazah yang mengikuti program peringkat MSc dan PhD bidang Sains Makanan, teknologi Makanan, Keselamatan Makanan dan Pemastian Kualiti, Bioteknologi Makanan, Pengurusan Makanan dan Khidmat Makanan adalah seramai 203 orang.

TP: Apakah harapan FSTM untuk melonjakkan nama FSTM di dalam negara dan antarabangsa?

Fakulti mengharapkan dengan pelaksanaan semua strategi, FSTM akan dapat terus melonjakkan bidang sedia ada dan memelopori bidang baru serta mendapat pengiktirafan sebagai sebuah fakulti yang cemerlang dan gemilang, menjadi idaman semua pelajar dan staf.



Tahniah dan Terima Kasih



Seluruh warga Universiti Putra Malaysia (UPM) mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak di atas pelantikan sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-6. Semoga wawasan dan dasar pentadbiran diketengahkan yang mengutamakan aspirasi rakyat dapat memacu negara ke arah kejayaan terutamanya dalam perkembangan penyelidikan, inovasi dan pendidikan tinggi negara. UPM juga mengucapkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Perdana Menteri Malaysia ke-5 iaitu Tun Abdullah Hj. Ahmad Badawi yang telah memimpin negara dengan jayanya dan membawa pelbagai jenis perubahan terutamanya dari segi sahsiah dan integriti rakyat Malaysia.

Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah
Naib Canselor UPM

Universiti Putra Malaysia
is hosting the

14th ICOT

Kuala Lumpur Convention Centre
Kuala Lumpur, Malaysia
22-26 June 2009

*Great Thinkers Motivate.
Great Thinkers Inspire.
Great Thinkers Change the World!*

Fail Arkib Tribun Putra



Foto | Ahmad Fauzi bin Anwar

Akhbar yang sedang anda tatapi ini telah sempurna dilancarkan oleh Datuk Seri Najib Tun Razak pada 4 Ogos 1998 dalam satu majlis yang sederhana tapi meriah sempena lawatan setengah hari Menteri Pendidikan Malaysia ke UPM pada waktu itu. Foto kenangan Dato' Seri bersama Naib Canselor UPM ketika itu, Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Syed Jalaludin Syed Salim terpapar pada edisi kedua yang diterbitkan pada 5 September 1998 dengan berita bertajuk "Menteri Pendidikan Kagum Kemajuan UPM".

Tribun Putra mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah kerana perasmis pelancaran Tribun Putra, kini menjadi orang nombor satu negara iaitu Perdana Menteri Malaysia keenam.

14th International Conference on Thinking, 2009

The Thinking Conference provides an excellent opportunity to hear and meet cutting edge thinkers, leaders, researchers and practitioners from the fields of:

- Business
- Leadership & Management
- Health
- Education
- Science / Technology
- Arts / Humanities / Culture
- Engineering / Manufacturing
- Sustainability / Environment
- Peace / Politics
- Sports Science
- Media & Entertainment

Some Confirmed Speakers: **Tun Mahathir Mohamed**

- Edward De Bono
- Howard Gardner
- Kevin Warwick
- David Perkins
- John Edwards
- Lane Clark
- Art Costa
- Robert Swartz
- Robert Fisher

Hosted by



www.upm.edu.my

in partnership with



For more information, visit our website:
www.14ththinkingconference.com
or e-mail:
icot@14ththinkingconference.com
shameemgalea@gmail.com

Tribun Putra

Wadah Gagasan Keprihatinan

Tribun Putra mengalu-alukan pensyarah, penyelidik, alumni, staf dan pelajar UPM serta orang awam untuk menulis di akhbar ini. Sila hubungi e-mel khal.upm@gmail.com atau telefon 013-3957650 untuk publisiti atau memperbaiki mutu persembahan akhbar kampus berprestij ini. Buat masa ini Tribun Putra dicetak sebanyak 10,000 naskah dengan 3,000 daripadanya untuk edaran luaran seperti kementerian, jabatan dan agensi kerajaan, kerajaan negeri, IPTA, IPTS, yaysan, media massa, kedutaan, perpustakaan, kolej matrikulasi, sekolah berasrama penuh, MRSM dan orang awam. Para penyelidik UPM digalakkan untuk menghantar sinopsis penyelidikan sebanyak tiga ke empat halaman untuk disiarkan dalam Tribun Putra atau media massa

Khairul Anuar Muhamad Noh
Editor Tribun Putra

Anjung Puisi

Serambi Cerikas

Dr. Lim Swee Tin
Jabatan Bahasa Melayu, FBMK
UPM

ARUS

*kita adalah arus
kenal kelodak dari puncak
kita adalah arus
perakam landskap
flora dan fauna
kita adalah arus
akhirnya lesu
scitaba di umara
lala tiba-tiba ombak memukul
dan kita ditarik ke tengah
bersatu dengan samudera
hingga tidak lagi mengenal diri
kerana kita
adalah arus yang tiada jati diri*

Khairul Anwar, Muhammad Saib,
FBMK, UPM

'Dr dan Dorina sudah bertunang!'

"Ha, mereka dah bertunang?"
"Iya!"
"Kat mana awak dengar ni?"
"Dr buat pengakuan kat kuliah?"
"Ha, depan pelajar yang ramai tu? Mereka dah bertunang?"
"Si Dorina pula buat tak tahu saja..."
"Gitu sekali?"

Hawa terkejut besar. Bukan kepalang rasa terkejutnya. Dalam beberapa saat Lisa menerima pesanan ringkas Hawa, dr & dorina dah bertunang. Dari Hawa, Siti juga dapat pesanan itu. Kemudian Nora, Mas, Jee, Fiza, dan Mir. Dan pada Mir, Wan terima pesanan ringkas itu. Juga Has, Nur, Iffa, dan Mei Fun. Mei Fun menyegerakan pesannya kepada Sheena, dari Kota Kinabalu, yang wajahnya mirip Stacy. Lepas itu Maggie. Dari Maggie terus ke Mala, ke Ranjini, ke Sophia, ke Kathrine. Kathrine luncurkan pesanan ringkas itu ke Jaja. Jaja terlonjak menepuk mulut. Jaja tidak lagi bertangguh terus lepaskan pesanan ke Mea. Mea bertanya kepada Jaja, dari mana u dpt brta mngnt ni? Jaja membalasnya, x! btul. hei, jaja jgn serius sgt. lwk jer tu...Jaja tidak percaya. Jaja lepaskan lagi pesanan ringkas ke Hawa. hawa, hawa, u tau dr dn dorina dah bertunang? Hawa tersenyum. Dalam hatinya berbisik-lara, jaja sudah tahu.

Mir duduk di bangku di bawah pokok ru. Bangku tu penuh daun-daun ru yang berguguran. Deruan angin di pucuk-pucuk menyegarkan. Sophia meletakkan beg galasnya, sebesar stereng Myvy setelah mengembas-gebas daun ru. Mir bersuara, "Eh, tak sangka ya, Dr boleh bertunang dengan Dorina."

"O, kaudapat juga pesanan ringkas tu ye?"

Sophia tidak sedikit pun menayangkan wajah kelirunya. Sedang itulah yang diharapkan Mir. Mir rasa aneh. Ada semacam sesuatu yang tidak kena. Sophia cemburu ke, Sophia ada apa-apa ke dengan Dr? Bertubi-tubi terpacul pertanyaan tetapi tersangkut di kerongkongannya.

"Kau tak boleh percaya bahasa-bahasa seperti tu..." Ulas Sophia. Beg galas sebesar stereng diletakkan rapi di atas meja bulat sedikit kasar dan comot. "Pertama, Dr mungkin bergurau..."
"Tak kan bergurau!" Celah Mir pantas. "Dia mana ada bergurau-gurau benda macam ni!"

"Ini bahasa. Aku cakap, tu mungkin. Ertinya, ia satu kemungkinan. Kedua, itu kan ayat. Sebagai ayat, ia mungkin sekali hanya ayat! Betul gramatis, tetapi, ayat sahaja. Ayat yang tidak teikat kepada sebarang makna."

Mir termenung.

Sophia menyambung, "Dalam konteks bahasa, kau perlu faham. Dr dan Dorina sudah bertunang, aku pun terima pesanan ringkas tu daripada Ranjini, boleh jadi benar. Boleh juga tidak."

Berapa jir sah, Sophia mempunyai apa-apa hasrat terhadap Dr. Corak suaranya yang cuba mengelak, kadang-kadang merendah ada membuktikan sedikit kebenaran itu. Fiza muncul. Si putih melepak itu bukannya kira apa. Ditepuknya kuat bahu Sophia. Mir menunjuk isyarat tangan jangan! Akan tetapi, Sophia terus tenang. Pada Mir, Sophia yakin Bahasa Melayu sudah, dan bukan mudah menyingkap rahsia maknanya kalau kita berminat sangat begitu.

Sophia mula ketawa, "Dr memang sudah bertunang. Sementara Dorina yang pulang baru-baru ni pun sudah bertunang. Dr bertunang dengan tunangnya. Dorina bertunang dengan tunangnya."

"Habis tu...?"

"Habis tu, apa?" Fiza cepat merebut.

Mir membusi. Kepelbagaian ragam makna dalam bahasa berselit di fikiran Mir ketika ini.

Khairu - Faezah Bolot Anugerah Seni

Oleh Khairil Sarip

SERDANG, 10 April - Khairu Rasid Mohamad dan Noor Faezah Hamidon membolot Anugerah Seni (MASENI) Universiti Putra Malaysia (UPM) ke-4 baru-baru ini.

Khairu Rasid Mohamad yang menerima Anugerah Adiwijaya Wangsa (tokoh seni budaya siswa) merupakan pelajar tahun akhir Bachelior Sains dengan Pendidikan (Kepujian) Matematik, Fakulti Sains UPM.

Noor Faezah Hamidon, presiden Kelab Senitari ADIMASTULU dan pelajar tahun dua Bachelior Sains Pembangunan Manusia Fakulti Ekologi Manusia UPM pula menerima Anugerah Sriwijaya Wangsa (tokoh seni budaya siswi).

Khairu Rasid berkata beliau telah menyertai pertandingan Majlis Kebudayaan Universiti-Malaysia (MAKUM) ketika pertama kali menyertai kelab tersebut sejak tahun pertama di UPM.

Noor Faezah yang telah mewakili UPM dalam pertandingan seni tari sejak 2006 berkata anugerah tersebut membuatnya berazam untuk bergiat aktif dalam tarikan pada masa depan.

Majlis yang berlangsung di Dewan Banquet UPM menyak-

sikan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Dr. Azali Mohamed menerima Anugerah Seri Mahawangsa (Tokoh Budaya Kampus).

Seramai 10 pelajar UPM menerima anugerah Emas MASENI (penggiat seni harapan) iaitu Debbie Michelle Amboi, Favian Mico Ujin, Carynn Joseph, Mohd Afiq Masri, Mohd Ghadafi Mohd Jaya, Mohd Ishak Abdul Ghani, Mohd Izzudin Samsudin, Muhammad Faizal Saidi, Nurul Adha Abdul Latif, Suhaizam Shahrul Affendy Suhaimi dan Wan Mohd Farhan Wan Zakaria.

Anugerah Sanggar Harmoni (pengelolaan program kebudayaan interkolej terbaik) pula dimenangi oleh Kolej Tun Dr Ismail yang telah menganjurkan Pertandingan Sayembara Puisi Interkolej 2008 sementara Anugerah Sanggar Genta (johan keseluruhan festival kesenian sesi 07/08) dimenangi oleh Kolej Keenam.

Bagi kategori persatuan kebudayaan, Anugerah Panji Bakti (komitmen dan penglibatan persatuan kebudayaan terbaik) dimenangi oleh Kelab Penggiat ADIMASTULU sementara Anugerah Panji Harapan (persatuan kebu-



Khairu Rasid Mohamad dan Noor Faezah Hamidon semasa Anugerah Seni (MASENI) Universiti Putra Malaysia (UPM) ke-4.

dayaan harapan) dimenangi oleh Persatuan Seni Budaya Zhong Hua.

Selain itu Anugerah Panji Pesona (pengelolaan program kebudayaan interkolej terbaik oleh persatuan kebudayaan) dimenangi oleh Kelab Penggiat Teater Sejagat Pentas dan Anugerah Panji Ulung (persatu-

an kebudayaan terbaik keseluruhan) dimenangi oleh Kelab Nasyid Nahwan Nur UPM.

Dr. Azali berkata MASENI merupakan penghargaan kepada pelajar dan persatuan kebudayaan UPM yang terlibat menganjurkan aktiviti kebudayaan dan kesenian sepanjang sesi 2008/2009.

Teater 'Protes' K10 & 11 Johan FESTIK

Oleh Mohd Faisal Md Noor

SERDANG, 7 Mac - Kolej Sepuluh (K10) dan Kolej Sebelas (K11) Universiti Putra Malaysia (UPM) dinobatkan sebagai johan keseluruhan Festival Teater Interkolej (FESTIK) 2009 baru-baru ini.

Gabungan K10 dan K11 telah mempersembahkan teater bertajuk 'Protes' manakala naib johan disandang oleh Kolej Keilima (K5) dengan teater bertajuk '40'.

Sementara itu Kolej Tiga Belas mendapat anugerah Teater Pilihan Penonton dengan teater bertajuk 'Kasanova'.

Ketua Unit Seni Budaya dan Kreatif, Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM Isnain Ali berkata 22 anugerah diberikan kepada kolej-kolej kediamaan mengikut kriteria yang ditetapkan.

"Festival teater interkolej ini bertujuan menyemarakkan

kegiatan seni pementasan teater dan drama di UPM," katanya.

Aktivist Seni Budaya dan Kreatif, Nurul Adha Abd. Latif berkata penganjurkan FESTIK pada kali ini lebih hebat dengan penglibatan semua kolej kediamaan menayakan program tersebut.

"Saya gembira dapat kerja sama dengan semua pihak terutamanya staf ALUMNI yang sanggup turun padang bagi menayakan program tersebut," katanya yang tiga tahun mengendalikan program tersebut.

Majlis perasmian penutup FESTIK 09 turut disenikan dengan persembahan lagu 'One Night Only' oleh pelajar Seni Budaya dan Kreatif, Muhammad Yaacob Hambiq Mahmood dan nyanyian selingan 'Jatuh Cinta Lagi' oleh Alumni Pentas, Mohd Nazrul Shah Hamid.



Oleh Abdullah Arshad, Ketua Bahagian Komunikasi Korporat UPM

Bahagian Pertama



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
REKHTU BERKAKTI

Universiti Putra Malaysia
a world leader in new tropical agriculture



lusi yang begitu ketara dan kurangnya publisiti terhadap aktiviti pertanian yang dilaksanakan, maka masyarakat terus membuat tanggapan bahawa UPM tidak lagi memfokuskan kepada pertanian. Berdasarkan senario tersebut, kita perlu mengubah persepsi masyarakat dan seterusnya berusaha meningkatkan imej dan reputasi universiti terhadap pertanian. Kita tidak mahu imej dan reputasi UPM dalam bidang pertanian sebagaimana disanjung pada 30 tahun yang lalu terhakis begitu sahaja. Kita sedar bahawa tanggapan mereka adalah salah dan perlu diperbetulkan. Justeru, kita mestilah mempunyai pelan transformasi yang kukuh untuk mengembalikan semula kegemilangan pertanian dan seterusnya memberikan sumbangan yang signifikan kepada masyarakat. Kita perlu proaktif menterjemahkan aktiviti pertanian yang dilaksanakan oleh UPM kepada masyarakat. Kita juga perlu meningkatkan hubungan UPM dengan kumpulan sasaran dalam sektor pertanian supaya aktiviti pertanian yang dijalankan oleh UPM memberi dampak kepada mereka.

Selain dengan pelan transformasi yang dibentuk untuk memperkukuhkan matlamat UPM dalam bidang pertanian dan penyelidikan pertanian, UPM beriltizam menjadi **A WORLD LEADER IN NEW TROPICAL AGRICULTURE**. Hasrat ini dilihat tepat pada masanya iaitu selari dengan cadangan perubahan yang akan dilaksanakan oleh UPM terhadap pembangunan pertanian dan berharap ia akan menjadi kenyataan pada tahun 2015. Sejarang dengan iltizam tersebut, kita dapat melihat billboards dan bunting-bunting dalam kampus talahpun dihiasi dengan tagline UPM: a world leader in new tropical agriculture. Sesetengah warga kampus beranggapan bahawa Berilmu Berkakti adalah tagline UPM, hakikatnya ia bukan tagline tetapi Berilmu Berkakti merupakan motto UPM yang juga mempunyai kaitan rapat dengan tagline tersebut. Tagline ini mengajik semua warga UPM untuk meningkatkan keyakinan dan memberi iltizam sepenuhnya kepada universiti ini sebagai sebuah universiti yang memberi ketahanan kepada pembangunan pertanian baharu. Apa yang

UPM lakukan kini ialah anjakan paradigma terhadap aktiviti penyelidikan, perkhidmatan profesional dan pengembangan pertanian. Anjakan paradigma ini merupakan intipati yang terkandung di dalam frasa *New Tropical Agriculture* atau Pertanian Tropika Baharu.

Pertanian Tropika Baharu merujuk usaha-usaha UPM terhadap bidang pertanian yang mempunyai nilai tambah tinggi, 'business driven', 'technology oriented', 'sustainable development' dan 'environmental friendly'. Usaha yang dijanakan oleh UPM ke arah Pertanian Tropika Baharu adalah bertepatan dengan perkembangan yang berlaku pada peringkat global, khususnya isu-isu yang berkaitan dengan perubahan cuaca dunia yang telah membawa kepada kesan pemanasan global dan juga memberi impak kepada keselamatan makanan. Dalam hal ini, sektor pertanian makanan memainkan peranan penting dalam memenuhi keperluan rakyat yang semakin meningkat.

Sebagai institusi pengajian tinggi yang mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut, UPM akan terus menggunakan sumber yang ada untuk meneroka lebih banyak kajian dalam sektor pertanian makanan terutamanya bagi menghasilkan penemuan inovasi dan teknologi baharu untuk memaksimumkan hasil pertanian makanan negara. Melalui pendekatan ini, UPM dapat memberikan sumbangan bukan sahaja kepada perkembangan inovasi pertanian tetapi juga dapat meningkatkan keselamatan makanan negara.

Matlamat UPM untuk menjadi a world leader in new tropical agriculture pada tahun 2015 adalah selari dengan enam bidang tujuhan penyelidikan yang sedang dilaksanakan pada masa ini iaitu pertanian, makanan, perhutanan dan alam sekitar, kesihatan, sains sosial dan sains, kejuruteraan dan teknologi. Bidang pertanian yang dibangunkan bukan lagi pertanian ditakuk lama, tetapi pertanian yang berasaskan inovasi dan berupaya memberi dampak besar kepada sektor ekonomi negara. Bidang pertanian yang ditopang oleh UPM adalah hasil kesepaduan pelbagai disiplin yang dijanakan untuk memenuhi keperluan dan rangka-



ian dalam aktiviti pertanian iaitu penanaman, pembungkusan, pemprosesan, pemasaran dan sebagainya.

Pertanian Baharu juga ialah simbol Pertanian Adalah Perniagaan dengan merujuk usaha pembangunan penyelidikan dalam bidang pertanian yang diperluaskan melalui komponen agro-bioteknologi dan nanoteknologi. Ini menunjukkan bahawa UPM menghasilkan inovasi pertanian dengan cara yang berlainan. Sekiranya amalan pertanian dahulu ialah pertanian di ladang, tetapi kini pertanian yang dilaksanakan oleh UPM adalah di dalam makmal. Ini merupakan inovasi yang disumbangkan oleh UPM dan mempunyai nilai tambah terhadap perkembangan pertanian.

Oleh sebab itu, UPM mendefinisikan Pertanian Tropika Baharu sebagai pengeluaran dan pengurusan biosumber tropika yang melibatkan teknologi saintifik dan kaedah ekonomi tanpa menyebabkan kerosakan biodiversiti, ekosistem, kesihatan dan kebajikan manusia. Tagline ini akan hanya menjadi tagline semata-mata kalau ia tidak dihayati dan diterjemahkan melalui usaha bersepadu oleh semua warga UPM. Justeru, penghayatan dan usaha perlu dilaksanakan dengan lebih efektif bagi memastikan UPM sentiasa relevan dengan bidang pertanian.

Warga Universiti Putra Malaysia (UPM) seharusnya sedar bahawa Universiti ini ialah legasi pengajian tinggi pertanian yang unggul pada masa dahulu dan kini ia terus memberi sumbangan bermakna kepada pembangunan modal insan dalam sektor pertanian di Malaysia.

Memang wajar pengajian dan penyelidikan pertanian lebih sinonim dengan UPM pada 12 tahun yang lalu kerana ketika itu UPM dikenali sebagai Universiti Pertanian Malaysia. Bagaimanapun pertukaran hanyalah pada nama kerana fokus UPM sejak dahulu lagi tetap memberi keutamaan kepada bidang pertanian. Ini jelas dilihat apabila 7 daripada 16 fakulti di UPM mempunyai elemen pertanian atau disiplin berkaitan. Tujuh buah fakulti tersebut ialah Fakulti Pertanian, Fakulti Sains Biomolekul dan Bioteknologi, Fakulti Pengajian Alam Sekitar, Fakulti Perhutanan, Fakulti Sains dan Teknologi Makanan, Fakulti Perubatan Veterinar dan Fakulti Sains Pertanian dan Makanan. Lima daripada 9 institut penyelidikan yang ditubuhkan juga adalah berfokuskan kepada penyelidikan pertanian. Institut yang dimaksudkan ialah Institut Biosains, Institut Pertanian Tropika, Institut Perhutanan Tropika dan Produk

Hutan, Institut Pengajian Dasar Makanan dan Pertanian dan Institut Penyelidikan Produk Halal. Selain itu, aktiviti pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan di UPM turut disokong oleh program pembangunan yang dilaksanakan oleh Pusat Pengembangan, Keusahawanan dan Perkhidmatan Profesional.

UPM merupakan satu-satunya Universiti Penyelidikan di negara ini yang mempunyai program pengajian yang mengkhususkan kepada bidang pertanian seperti program Diploma Pertanian, Diploma Perhutanan, Diploma Perikanan, Diploma Kesihatan Haiwan dan Perternakan, Diploma Pengurusan Perladangan, Makanan, Bachelor Sains Pertanian, Bachelor Sains Hortikultur, Bachelor Sains (Perniagaan), Bachelor Pertanian (Akuakultur), Bachelor Pertanian (Perternakan), Bachelor Sains Perhutanan, Bachelor Sains dan Teknologi Perikanan dan Doktor Perubatan Veterinar. Bagi program pascasiswazah yang ditawarkan oleh UPM, lebih daripada 36% program pascasiswazah yang dikendalikan oleh Sekolah Pengajian Siswazah ialah program yang berkaitan dengan bidang pertanian.

Memandangkan pendekatan pertanian dahulu dan kini mengalami evo-

Alumni Tingkat Komitmen Bantu UPM

Sharifah Azmawati Syed Abdul Aziz

SERDANG, 21 Feb - Seramai 1,040 alumni Universiti Putra Malaysia (UPM) yang hadir ke program *UPM Alumni Reunion - Celebrating 7 Decades of Alumni* di sini menunjukkan komitmen untuk melestarikan hubungan baik dengan UPM bagi membantu UPM mengekalkan status universiti penyelidikan terkemuka negara dan di peringkat antarabangsa.

Presiden Pusat Alumni UPM, Dato' Seri DiRaja Syed Razlan Jamalullail berkata komitmen UPM menginstansikan alumni sebagai komponen penting dalam strategi pembangunannya wajar dihargai.

"Kami akan memastikan dapat mewujudkan barisan pemimpin persatuan peringkat muda yang komited untuk membantu UPM dan ahli alumni.

"Kekuatan Alumni UPM adalah dalam sektor pertanian, perbankan, in-

dustri makanan dan sektor lain akan dapat menyokong pembangunan UPM," katanya dengan memberi contoh kejayaan lahirnya pemimpin dalam sektor tersebut sejak zaman Sekolah Pertanian diwujudkan pada tahun 1931.

Sementara itu Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah dalam ucapannya pada majlis tersebut berkata kehadiran tokoh-tokoh alumni yang terbilang memberi contoh kepada alumni terkini untuk mendokong wawasan universiti menjadi sebuah universiti bereputasi antarabangsa.

"Warisan kecemerlangan generasi terdahulu akan terus disokong dan ditambah baik untuk meningkatkan reputasi dan imej universiti sebagai sebuah institusi intelektual yang disegani," katanya.

Dr. Nik Mustapha berkata selaras

dengan matlamat UPM untuk memperkakan UPM melalui alumni, universiti telah menetapkan tarikh 21 Mei iaitu tarikh penubuhan institusi tersebut di Serdang sebagai Hari Alumni yang akan disambut pada setiap tahun.

Beliau berkata banyak perkongsian idea dan pengetahuan antara alumni dan universiti serta program akan dilaksanakan untuk kepentingan bersama bagi menyemarakkan lagi semangat setia dan kekatan dalam kalangan alumni.

Seorang wakil alumni iaitu, Datin Paduka Dr. Sharifah Mazlina Syed Abdul Kadir daripada alumni 1990 yang merupakan wanita Asia pertama di Antartika turut hadir pada majlis tersebut.

Beliau berkata program alumni tersebut dapat mengembalikan sejarah dan kenangan menimba ilmu di UPM.



Tan Sri Rashdan Baba (berbaju belang) beramah mesra dengan alumni UPM yang lain semasa program UPM Alumni Reunion - Celebrating 7 Decades of Alumni

UPM Tingkat Taraf Hidup Komuniti Kota Marudu

Penyelidikan Pengurusan Lestari Sumber Bakau, Pesisiran Pantai dan Perikanan

Oleh Khairul Anuar Muhamad Noh
Foto oleh Ahmad Fua'ad Alwi



Sesi perbincangan berkumpulan antara penyelidik Prof. Dr. Fatimah Md. Yusoff (kanan) bersama penduduk kampung dengan disertai oleh Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah (dua dari kanan).

Universiti Putra Malaysia (UPM), bersama-sama Universiti Malaysia Sabah (UMS) terpilih mengendalikan projek kajian ekosistem bakau dan pengurusan sumber bagi makanan laut dan pelancongan eko mampun komuniti pantai Kota Marudu di Sabah, di sini baru-baru ini.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata pemilihan dibuat oleh National Oceanography Division (NOD), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) di bawah dana Science Fund NOD.

"Projek penyelidikan tersebut diketuai oleh Pengarah Institut Biosains UPM, Prof. Dr. Fatimah Md. Yusoff akan menekankan peningkatan taraf hidup komuniti Kota Marudu melalui pengurusan lestari sumber bakau, pesisiran pantai dan perikanan daripada 20 pakar UPM," katanya.

Beliau berucap dalam majlis pelancaran projek



Prof. Madya Dr. Awang Noor Abd Ghani berkongsi kepakaran dengan penduduk kampung.



Sekumpulan penyelidik UPM membuat kajian ekosistem bakau di sungai Kota Marudu

penyelidikan bersama UPM dan NOD untuk pembangunan komuniti daerah Kota Marudu anjuran NOD, MOSTI dengan kerjasama UPM dan UMS bagi tempoh Februari 2009 hingga Disember 2010.

Majlis pada hari tersebut turut menyediakan sesi perbincangan berkumpulan antara penyelidik bersama stakeholder iaitu dengan 50 penduduk, 22 ketua kampung dan jabatan serta agensi kerajaan.

Dr. Nik Mustapha berkata tiga projek penyi-

dikan UPM terbabit yang dibiayai MOSTI ialah peningkatan ekosistem dan sosio-ekonomi masyarakat tempatan melalui pengurusan sumber bakau yang diketuai oleh Dekan Fakulti Perhutanan, Prof. Madya Dr. Awang Abd. Ghani.

Katanya projek kedua ialah pengurusan bersepadu ekosistem lembangan sungai dan pesisiran pantai yang diketuai Ketua Jabatan Pengajian Alam Sekitar, Prof. Madya Dr. Mohd Kamil Yusof dan pro-

"Ketiga-tiga projek tersebut merangka pelan pembangunan jangka pendek dua tahun dan jangka panjang lima tahun dengan mengambil kira multi dimensi manusia (sosio-ekonomi), sumber (hutan bakau, hidupan liar, fauna dan flora) serta persekitaran (pencegahan pencemaran dan perubahan habitat)"

Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha

jek ketiga ialah urusan pengurusan bersama sumber perikanan diketuai Pengarah Dasar Pertanian dan Makanan, Prof. Dr. Fatimah Mohamed Arshad.

"Ketiga-tiga projek tersebut merangka pelan pembangunan jangka pendek dua tahun dan jangka panjang lima tahun dengan mengambil kira multi dimensi manusia (sosio-ekonomi), sumber (hutan bakau, hidupan liar, fauna dan flora) serta persekitaran (pencegahan pencemaran dan perubahan habitat)," katanya.

Sementara itu Prof. Dr. Fatimah Md. Yusoff berkata objektif utama projek tersebut ialah membangunkan pelan pengurusan sumber bakau bagi pelancongan eko secara lestari; membangunkan pelan pengurusan untuk ekosistem, sumber sungai dan pesisiran pantai serta membangun rangkaian bagi penggunaan lestari sumber marin tanpa menjejaskan potensi masa hadapan.

Katanya UPM diwakili dua fakulti dan dua institut iaitu Fakulti Perhutanan, Fakulti Pengajian Alam Sekitar, Institut Biosains dan Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan.

Beliau berkata projek yang telah dilancarkan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Maximus Ongkili pada 16hb Oktober 2008 itu diharapkan mencapai matlamat hasil sokongan semua pihak seperti kerajaan, universiti, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), usahawan dan penduduk kampung.

"Model pembangunan yang berkesan ini dapat dimanfaatkan bukan sahaja di Kota Marudu tetapi juga boleh diaplikasikan di merata tempat di seluruh negara bagi memastikan kesejahteraan persekitaran dan kehidupan masyarakat," katanya.

Kota Marudu merupakan sebuah daerah yang sedang membangun dengan kebanyakan penduduknya bergantung kepada aktiviti pertanian dan sumber asli seperti hutan bakau dan perikanan sebagai mata pencarian utama mereka.

Projek mega yang dibangun tanpa mengambil kira ekologi alam sekitar dan kelestarian ekosistem boleh menyebabkan pencemaran dan perubahan habitat berpotensi mengurangkan hutan bakau menyebabkan kemerosotan penangkapan ikan serta mengurangkan hasil bakau serta produk hutan yang berkaitan, malah boleh menyebabkan kepupusan sesetengah spesies.

Pada masa ini ekosistem hutan bakau Kota Marudu boleh dikatakan masih bertahan dan mampu membekalkan sumber hidupan hutan dan akuatik (sungai, muara dan laut) yang agak lumayan kepada penduduk sekitar daerah Kota Marudu, Kudat dan Pitas.

Penyelidikan Pertanian – UPMKB Sumbang Sosio Ekonomi Sarawak

Oleh Khairul Anuar Muhamad Noh
Foto oleh Arafat Mashhur Awang & Ahmad Fua'ad Ali



Bangunan pentadbiran UPMKB.

Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu Sarawak atau nama singkatannya UPMKB amat unik kerana ia merupakan satu fakulti yang mempunyai semua fungsi sokongan seperti sebuah universiti yang lengkap dengan saiz keluasan 715 hektar, berbanding kampus induknya di Serdang seluas 937 hektar.

Sebagai sebuah fakulti yang terpisah daripada kampus UPM Serdang, UPMKB mempunyai penguasaan kewangan, pembangunan fizikal, keselamatan, masjid, teknologi maklumat, perpustakaan dan pusat kecemerlangannya tersendiri ibarat sebuah universiti yang lengkap.

Memasuki kampus ini, pandangan anda pasti terpegun dengan fasiliti pertaniannya seperti Taman Botani, Biopark (ladang ternakan rusa), kompleks ternakan ayam, ladang mangga seluas tiga hektar, ladang belimbing, ladang lada hitam (0.5 hektar), ternakan lembu, rumah kalis serangga (tanaman sayuran), hortikultur, ladang kongsi, ladang kelapa sawit (54 hektar), ladang getah (25 hektar), kompleks penetasan, rumah pemrosesan unggas dan kolam ikan serta kem hutan.

Siapa sangka kampus ini yang terletak 13 km dari bandar Bintulu bermula dengan program diploma dalam bidang Pertanian, Perhutanan, Pemajaan dan program pendahuluan 35 tahun lalu, kini telah meningkatkan penawaran kepada program bachelar dan pasca-siswazah (MSc dengan tesis dan PhD).

Akademik dan Pelajar

Kini, UPMKB mempunyai sebuah fakulti yang dinamakan Fakulti Sains Pertanian dan Makapan, terdiri daripada lima buah jabatan akademik iaitu Jabatan Sains Tanaman, Jabatan Sains Perhutanan, Jabatan Sains Sosial, Jabatan Sains Asas dan Kejuruteraan dan Jabatan Sains Haiwan dan Perikanan.

Tenaga pegawai akademiknya seramai 94 orang terdiri daripada seorang profesor, tiga profesor madya, enam pensyarah kanan, 38 pensyarah, 41 tuah dan 1 guru bahasa, diikuti oleh 299 staf bukan akademik iaitu 22 kumpulan pengurusan dan profesional serta 277 kumpulan sokongan.

Jumlah pelajarinya pula seramai 1,094 orang terdiri daripada 811 pelajar diploma, 270 bachelar sembilan belas pelajar master dan lima pelajar PhD boleh menampung sehingga 1,500 pelajar. Sejak tahun 2005, UPMKB telah mengeluarkan seramai 1,689 graduan dan berusaha ke arah memperkembangkan program diploma ke bachelar.

Dan pada program tradisi seperti Diploma Pertanian dan Diploma Perhutanan, kini UPMKB berupaya menjana modal insan dengan menawarkan pengajian kepada Diploma Perikanan, Diploma Pengurusan Perladangan Makanan dan Diploma Kesihatan Haiwan dan Peternakan.

Sejarah

Kelahiran UPMKB di Sarawak bermula dengan penubuhan Kampus cawangan Universiti Pertanian Malaysia di Semenggah pada tahun 1974 sebelum berpindah ke Bintulu pada tahun 1987. Ketika UPMKB ditubuh pada tahun 1992, kawasanya telah dijadikan sebagai Maktab Perguruan Sains, Bintulu

dari tahun 1994-1999.

UPMKB diaktifkan semula pada November 2001 berasaskan matlamat ketiga pelan strategi UPM 2001-2010 iaitu untuk meningkatkan keupayaan UPM sebagai Pusat Pengajian dan Perkhidmatan Pertanian serta Biosumber terkemuka di Peningkat Antarabangsa. Fokus utama UPMKB adalah dalam bidang agribio seperti pertanian, perhutanan, perikanan, penternakan, pemakanan dan persekitaran.



Prof. Dr. Japar Sidik Bujang

Sumbangan sosio-ekonomi wilayah

Menurut Dekan UPMKB, Prof. Dr. Japar Sidik Bujang, kampus itu telah teruji menempuh pelbagai cabaran sebagai sebuah fakulti UPM di Sarawak sebelum ia berdiri gah seperti sekarang.

"Perlu diketahui pembukaan semula kampus ini pada 24 Oktober 2001 adalah untuk melahirkan sumber tenaga mahir dalam bidang sains dan teknologi untuk sektor pertanian, perhutanan, perikanan serta menyahut cabaran meningkatkan pengeluaran makanan, memanfaatkan sumber asli yang kaya di Bintulu dan Sarawak serta menjadi pemangkin terhadap pembangunan wilayah yang seimbang serta untuk memanfaatkan kemudahan fizikal yang sedia. Ekoran itu misi UPMKB dibentuk jaitu untuk menjadi Pusat Pendidikan Tinggi Wilayah penting yang memberi sumbangan kepada pembangunan persekitaran intelektual, sumber tenaga dan sosio-ekonomi Sarawak, termasuk Malaysia amnya," katanya.

Belliau berkata cabaran utamanya sebagai dekan adalah untuk menyemai minda warga kampus tentang kepentingan pertanian dan meningkatkan kefahaman berkenaan pertanian dalam merealisasikan misi dan visi UPMKB untuk menjadi pusat rujukan penyelidikan, penyelidikan dan perkhidmatan agribio wilayah yang terpenting di Borneo.

Pada masa kini UPMKB memberi sokongan tenaga muda meliputi staf akademik untuk melanjutkan pengajian sehingga peringkat PhD supaya mempunyai kepakaran dan pengalaman yang diper-

lukan untuk mencapai misi dan visinya.

"Kampus ini mempunyai hubungan kerjasama yang baik dengan masyarakat setempat, agensi tempatan dan antarabangsa seperti usahasama program pembangunan luar bandar menerusi program kampung angkat dengan kerjasama KEMAS dan menjadi tumpuan penempatan latihan industri pelajar sekitar Sarawak dan Sabah," katanya.

Prof. Dr. Japar Sidik berkata satu pembaharuan kepada program akademik yang dicadangkan adalah menitikberatkan kepada pengetahuan dan pembelajaran pembangunan melalui projek UPMKB dan komuniti luar.

Kedudukan Strategik

"Misi dan visi UPMKB tidak mustahil dicapai kerana kedudukan strategiknya di pertengahan pantai Laut China Selatan, di tengah-tengah pusat biodiversiti hutan hujan tropika yang membentuk 8.2 juta hektar (67%) keluasan negeri Sarawak," kata belliau.

Belliau berkata UPMKB menerima tempas pembangunan pesat pelabuhan Bintulu kerana pelabuhan itu berkembang sebagai pusat indah kapal bagi kawasan Pertumbuhan Asean Timur Brunei-Indonesia-Malaysia-Filipina.

Selain itu kepesatan pembangunan Bintulu sebagai bandaraya penindustrian, Lingkungan Projek Koridor Sumber Boleh Diperbaharui (SCORE) dan

"UPMKB berperanan sebagai pusat kemudahan dan rujukan di wilayah tengah Sarawak kerana selain staf akademiknya menjadi pakar rujuk dalam bidang berkaitan pertanian, mereka turut dijemput untuk memberikan ceramah dan sebagai destinasi penting dikunjungi sekolah, masyarakat kampung, delegasi dalam dan luar negara seperti Jepun dan China."

kawasan yang kaya dengan bioindustri seperti gas asli (MLNG) serta biosumber untuk pertanian, perhutanan perikanan dan pembuatan makanan turut membantu.

UPMKB berperanan sebagai pusat kemudahan dan rujukan di wilayah tengah Sarawak kerana selain staf akademiknya menjadi pakar rujuk dalam bidang berkaitan pertanian, mereka turut dijemput



Antara hasil penyelidikan UPMKB.

untuk memberikan ceramah dan sebagai destinasi penting dikunjungi sekolah, masyarakat kampung, delegasi dalam dan luar negara seperti Jepun dan China," katanya.

Pertanian Teknologi Baru

Dalam jangka masa terdekat UPMKB melihat transformasi minda "Pertanian Sebagai Satu Perniagaan" seharusnya dipupuk di peringkat sekolah dan diteruskan ke peringkat universiti bagi melahirkan modal insan generasi usahawantani terlatih yang boleh menterjemahkan pengetahuan pertanian kepada masyarakat luar.

Dr. Japar Sidik berkata UPMKB turut berperanan meningkatkan sosio-ekonomi masyarakat setempat dengan pendedahan industri pertanian berorientasikan kaedah moden dan berteknologi baru berbanding pertanian secara tradisional.

"Program Buku Hijau yang dimulakan sejak semester pertama 2008/2009 adalah sama dengan program Bumi Hijau yang diusahakan oleh kerajaan Malaysia satu ketika dulu.


"UPMKB memperkenalkan program Buku Hijau ini kepada pelajar bagi memberi fokus awal kepada kesedaran tentang pentingnya pertanian terutamanya dalam sektor agri-makanan," katanya.

Dr. Japar Sidik berkata program Buku Hijau dijalankan mengikut rancangan dan jadual tertentu supaya setiap pelajar mendapat pengetahuan dan pengalaman luas berkenaan dengan segala perusahaannya dalam sektor pertanian dan temakan serta berkemahiran menggunakan jentera pertanian dan peralatan yang lain.

Katanya program tersebut menjadi landasan ke arah mengkomersilkan hasil tani dan menjadi pusat pengeluaran hasil tani dalam masa yang terdekat serta menjadi tumpuan aktiviti akademik, penyelidikan dan pengembaikan.

Sila hubungi Bahagian Pemasaran Penerbit UPM 03-8946 8851 atau penerbit@putra.upm.edu.my untuk pembelian

Susunan Sharil Nizam Sha'ri & Muhamad Hardhami Arshad



Amalan Penyeliaan Kaunseling

Pengarang : Othman Mohamed
Tahun : 200
ISBN : 978-967-344-007-8
272 muka surat

Amalan penyeliaan kaunseling wajar dilaksanakan sekarang ini bagi menjaga martabat profesion kaunseling di Malaysia. Usaha ini merupakan kemuncak dalam amalan kaunseling bagi memastikan standard profesionalisme kaunseling sentiasa ter-

jamin serta terpelihara dengan sempurna.

Kandungan buku ini memberi panduan cara melaksanakan penyeliaan kaunseling mengikut lunas teori serta pendekatan penyeliaan kaunseling yang diamalkan secara sejagat. Contoh amalan penyeliaan yang terkandung di dalam buku ini berdasarkan kepada pengalaman penulis melaksanakan penyeliaan kaunseling selama 32 tahun sebagai pendidik kaunselor dan kaunselor profesional di Malaysia dan di Amerika Syarikat.

Amalan penyeliaan kaunseling merentas semua kaunselor yang berkhidmat sama ada di dalam perkhidmatan awam ataupun di organisasi swasta termasuk mereka yang mempunyai amalan profesional sendiri berciri perniagaan. Buku yang terdiri daripada lima bab ini juga memberikan cara untuk mem-

buat konseptualisasi kes kaunseling mengikut pendekatan teori kaunseling. Penulis juga menerangkan cara membuat diagnosis, perancangan rawatan serta laporan kaunseling mengikut piawai amalan terbaik.

Pedagogi latihan penyeliaan kaunseling merupakan keilmuan baru dalam bidang ini yang dikemukakan oleh penulis. Sehubungan itu, pendekatan konstruktivisme diterapkan sebagai satu paradigma pengajaran dan pembelajaran ilmu kaunseling. Pengurusan penyeliaan kaunseling juga dibincangkan dari perspektif baru dengan memberi fokus kepada ekologi budaya serta piawai amalan terbaik dalam penyeliaan kaunseling. Seterusnya, buku ini juga mengulas tentang etika penyeliaan kaunseling sesuai dengan Akta Kaunselor 580, Akta Malaysia.


Strategies in Counselling Practices

Editors : Othman Mohamed, Halimatus Halaliah Mokhtar, Maznah Baba, Lily Mastura Hj Harun & Siti Aishah Hassan
Year : 2008
ISBN : 978-967-344-021-4
126 pages

The chapters in this book have provided a glimpse of some of the strategies that have developed in response to personal experiences and reflection of experts in the field of counsellor education. These strategies can be categorised into the following aspects of counselling: selection of counsellor trainees, counsellor education & supervision, the emerging theory that integrates religion and spirituality, the practical application of the related theory to Muslim women clients, and strategies in applying research findings to improve counseling practices.

As in most cultures across the globe, non-formal interpersonal guidance and helping among family as well as non-family members has been in existence ever since the existence of mankind. The preference for help or social support from family members, friends and significant others perhaps reflects the

culture bound tradition. The counseling strategies in this book arises out of the experts' experience with Malaysian clients bearing the influences intertwining with counselling techniques, and the various belief systems and culture of this multireligious, multicultural and multilingual country.



Pengenalan kepada Asas Seni Bina Landskap

Pengarang : Mohd Kher Hussein, Noorizan Mohamed & Mustafa Kamal Mohd Shariff
Tahun : 2008
ISBN : 978-967-5026-70-6
167 muka surat

Pengenalan Kepada Asas Seni Bina Landskap ini memberikan pengetahuan asas bidang seni bina landskap kepada individu yang ingin mengetahui tentang bidang ini serta aktiviti pe-

landskap bermula daripada definisi, konsep, unsur, peralatan, sehingga aktiviti yang terlibat dalam proses mereka bentuk pelan landskap.

Penulisan yang ringkas, padat disertai dengan ilustrasi berwarna ini serta bab-bab yang disusun secara logikal akan berjaya mengungkapkan dunia sebenar seni bina landskap yang menjurus kepada pemuliharaan, dan pengindahan alam semula jadi secara terancang dan seterusnya membantu pemahaman pembaca terhadap bidang berkenaan.




BOND MARKETS in Malaysia & Singapore

Authors : Mohamed Ariff, Cheng Fan Fah & Neoh Vee Hong
Year : 2009
ISBN : 978-967-5026-58-4
343 pages

This book is about bond markets respectively in Malaysia and Singapore. The book describes the historical development of these markets, and provides for the first time, both operational details about how the markets operate, as well as identifying the economic and financial behaviour of the markets. Necessarily, references to theories of how the market ought to behave and how they actually behave are documented for these price-efficient bond instruments.

This book is also an excellent reference book for professionals, practitioners in accounting, banking and finance and also to regulators who set standards for financial sector. Readers from Asia Pacific countries will also find in this book a useful resource comparing their countries in this region.



Politeness in Malaysian Family Talk

Editors : Maya Khemlani David & Karen Kow Yip Cheng
Year : 2008
ISBN : 978-967-344-008-5
211 pages

Politeness plays an important role both in the family and in society. Politeness in Malaysian Family Talk explores four main themes in the area of politeness:

- Discourse and power in the family
- Interactions between married couples
- Cross-generational discourse
- Politeness and talk with and among children


Spread over 10 chapters, *Politeness in Malay-*

sian Family Talk offers wide-ranging and comprehensive insights to the multi-faceted manifestation of politeness in multilingual Malaysia. Brown and Levinson's theory of politeness is discussed from the following perspectives:

- Power and solidarity
- Topic shifts
- Cultural norms
- Speech act of directives

- Accommodation, acculturation and socialisation

This book can serve as an essential resource to students, teachers working on politeness and discourse. Although the case studies are Malaysian, the issues are universal. This book will also be of interest to parents and caretakers as it offers practical insights into the role politeness plays in the family domain.



Crop Breeding Exploiting Genes for Food and Feed



Professor Dr. Ghizan Saleh
Faculty of Agriculture

Crop breeding has contributed significantly to the increase in world food and feed productivity. It has evolved from selection efforts for better plants during early human domestication of crops, to classical breeding and

presently to modern marker assisted breeding. Crop breeding is conducted on the principle of Mendelian genetics, exploiting genes and genetic variations for traits to be improved through manipulation of the available genetic

resources or introgression of genes from introduced materials. Significant impact of crop breeding has been seen in the development of food crop varieties including wheat, rice, maize and soybeans. The Green Revolution which was instrumental by Norman Borlaug, the Nobel Laureate for Agriculture, is a classic example of the meaningful contribution of crop breeding in alleviating famine and food shortages in the rapid population growth scenario. Through long years of systematic crop breeding efforts, significant achievements have been made in polyploidy breeding, mutation breeding, hybrid breeding, molecular assisted breeding and breeding through genetic engineering. Hybrid breeding has revolutionized the breeding methods of maize, where single cross, double as well as three-way cross hybrids have been utilized in the industry, although single crosses are presently almost solely used for production. Food crop breeding efforts in Malaysia have seen the successful development of superior varieties of rice, maize, papaya, pineapple and banana, while breeding success in oil palm and rubber have also been well realized. Maize breeding work conducted at Universiti Putra Malaysia has focused on grain maize for animal feed, as well as sweet corn for human consumption. The current grain

maize breeding programme at UPM was initiated in 1987 with acquisition of germplasm from foreign countries. These germplasm materials, together with the locally available varieties, were subjected to a recurrent selection programme employing both half-sib and full-sib selection methods. Concurrently, inbred lines were developed from these populations through continuous self pollinations and test of combining ability. Selected inbred lines were utilized in diallel crosses, and subsequently, single crosses, double crosses and three-way crosses were developed and then tested for performance in replicated trials. After repeated evaluation at various selected locations and large scale plantings, the F₂ hybrid variety Putra J-58 was released in 1998, with high yield, uniformity and possessing high grain nutritional quality. The locally developed inbred lines were then further involved in crosses with introduced lines from Indonesia and acid soil tolerant lines from CIM-MYT, in efforts to develop hybrids that are tolerant to acid soils which make up 72% of the arable lands in Malaysia. SSR molecular markers were also used to assist in the selection of suitable cross combinations and promising hybrids are expected to be released in the near future. The present sweet corn breeding work at UPM was initiated in 1990, with

the application of recurrent selection on the local varieties, Manis Madu and Bakti-1. This led to the development of improved populations which were subsequently utilized in crosses with the modern hybrid varieties introduced from other countries. Subsequently, more cycles of recurrent selection for fresh ear yield, ear length and eating quality were imposed. The resulting improved populations were then utilized in breeding programmes introgressing genes from Ethiopian synthetic varieties, leading to the development and release of the synthetic variety, Putra GS-2002 in 2003, with superior fresh ear yield and taste quality. Along the way, inbred lines were developed from various local and imported genetic resources, for the purpose of hybrid variety development. Presently, these inbred lines are approaching complete homozygosity and awaiting combining ability analysis for production of hybrids varieties. Molecular assessment utilizing SSR markers are also being used to predict performance of the inbred lines in hybrid combinations. As a design science, crop breeding is a long term effort and therefore requires long term research funding and strategies to increase success in developing new varieties to meet the changing human needs and climatic conditions.

Engineering Agricultural Water Resources

Irrigation in Malaysia is almost entirely devoted to rice cultivation. Most of the irrigated rice areas in Peninsular Malaysia are located in the eight designed granaries. With recent rice supply being a bit chaotic with the sharp rise in price in the ASEAN region in early 2008, due in part to the calamities faced by some regions in the area, the Malaysian government has decided to increase its rice stockpile as well as place more lands under rice cultivation in Sabah and Sarawak.

Of the available total surface water resources of Malaysia, around 75% (10 billion cubic meters per year) is for use in agriculture. Irrigation is not only the largest consumer of fresh water in terms of volume, it is also associated with comparatively low economic value, it is also associated with comparatively low economic value, low efficiency of use (<50%) as well as being a highly subsidized natural commodity. However, it is a must-have venture in order to give a guarantee of at least 70% of the staple food of Malaysia some figure of security. Thus, dams have to be built and maintained, water conveyance channels laid, control structures put in place for irrigation and drainage and pumps operated. All of this is just a part of the larger scheme of things, which incidentally includes the whole range of agricultural practices required in getting the grains to the markets. With the above mentioned scenario and the associated costs incurred, it is thus necessary to seek ways to better engineer and manage the water resources aspect of rice production so



Professor Dr. Lee Teang Shui
Faculty of Engineering

as to reduce the total cost of production of per unit tone of rice grains produced in Malaysia. The total unit cost would invariably include a host of costs, but suffice to say that reducing the cost of water used in its production would help in a long way.

Many have ventured to say that if the water is not used, then we still have to build dams to store it lest it just flows to the sea. These words are true in every aspect but then again, it is during times of water stresses that these dams would be a real blessing to have. So where possible dams will have to be built if not for irrigation then for the sake of domestic supplies when a real emergency crops up like the infamous 1998 El Nino phenomenon. The present climate change agenda around the globe has made all governments more aware of the need to be safe rather than to be sorry.

Freshwater Fish the Overlooked Alternative

The supply of fish from the oceans once thought inexhaustible, is no longer true as seen in the last three decades. This could be the result of over exploitation as reflected in the dramatic rise of world capture of fish for food from 1973 to 1997. The growth in the aquaculture sector has attempted to fill the gap between supply and demand (Delgado et al., 2003). The productivity of world fish production is mainly due to the aquaculture sector. People in the developing world continue in their food fish consumption, whereas total consumption in the developed nations will remain static. Under the ecological collapse scenario, consumption will drop from 17.1 to 14.2 kg per year (Delgado et al., 2003).

About one-third of the world catch is not used for direct human consumption but for the production of fishery by-products such as fish meal, fish oil, fish silage, hydrolyzed fish products, fish protein concentrate (FPC), pet food, insulin manufacture and many others (Windsor and Barlow, 1981). In Malaysia, about 40% of trash fish is converted to fishmeal and 25% to fertilizers.

